

**Jilid III
Bil. 22**



**Hari Isnin
21hb Disember, 1981**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA
*SENATE***

**PARLIMEN KELIMA
*Fifth Parliament***

**PENGGAL KETIGA
*Third Session***

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2497]**

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981)
[Ruangan 2526]**

MALAYSIA
PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T. (Dilantik)
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, Jeneral TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V.V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y.L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ TUAN CHIN KIM YOONG (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).

- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD (Perlis).
- „ DATO' HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ DR GAN KONG SENG, P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Trengganu).
- „ DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak)
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ DATO' ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO' HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ DATUK JAMES WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ DATO' KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik)
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH (Sarawak).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN LEE JONG KI (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).

Yang Berhormat TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M.,
P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).

„ DATO' HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T.,
S.M.S., P.J.K. (Dilantik).

„ DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N.,
J.P. (Dilantik).

„ TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).

„ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P.
(Negeri Sembilan).

„ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M.
(Dilantik).

„ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).

„ DATO' G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I.,
J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).

„ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

„ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).

„ PUAN RAGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).

„ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T.
(Dilantik).

„ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S.,
D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).

„ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).

„ DATO' SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N.,
B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).

„ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).

„ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).

„ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).

„ TUAN HAJI TUAN YAACOB BIN HAJI ENGKU YUNUS, P.P.N.
(Kelantan).

„ DATO YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).

„ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).

„ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. Bhaskaran Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Isnin, 21hb Disember, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PELAN INDUK UNTUK PEMBANGUNAN
BANDAR**

1. **Dato' Chin Kim Yoong** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Y.A.B. Perdana Menteri dalam ucapan di upacara meletak batu asas Wisma Maju di Perak pada 19-6-81 telah menyeru pemaju-pemaju supaya membina bangunan dan kompleks yang moden termasuk kompleks pejabat-pejabat yang serba lengkap termasuk tempat letak kereta dan sebagainya; jika sedar sama ada satu pelan induk akan dikaji untuk meluaskan kawasan-kawasan perniagaan dan untuk mempercepat pembangunan bandar.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, adalah sentiasa menjadi dasar Kementerian saya untuk mempercepatkan pembangunan bandar dan meluaskan kawasan-kawasan perniagaan di bandar-bandar besar di negara ini. Oleh itu, keutamaan adalah diberi apabila satu-satu pelan induk disediakan untuk bandar-bandar dan penyediaan harian pelan tempatan adalah memberi keutamaan kepada pembangunan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan V.V. Aboo.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke-2.

**SYARIKAT-SYARIKAT BRITISH—
PEMBEKUAN**

2. **Tuan S. Subramaniam** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada dengan tindakan Kerajaan membekukan Syarikat-syarikat British dari mengambil tender di negara ini boleh mengakibatkan terjejasnya sedikit sebanyak prestasi kemajuan pembangunan di negara ini dari segi pakar-pakar dan peralatan luar dan jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya dan adakah pembekuan ini akan dikekalkan buat selamalamanya atau untuk sementara waktu sahaja.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa tawaran-tawaran kepada firma-firma British dibekukan. Apa yang berlaku ialah Kerajaan tidak lagi memberi keutamaan ataupun keistimewaan kepada barang-barang atau tawaran-tawaran kerja oleh Syarikat-syarikat British seperti masa-masa yang lepas.

Syarikat-syarikat British hendaklah bertanding dengan pihak-pihak yang lain atas asas-asas yang sama. Jika terdapat pilihan-pilihan ataupun alternative yang lain dalam menentukan satu-satu tawaran kerja atau pembelian barang-barang, pertimbangan yang sewajarnya akan diberi kepada pilihan yang lain itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Syarikat-syarikat British yang di Malaysia ini dibekukan bersama ataupun yang dibekukan sekarang ini hanya Syarikat-syarikat British daripada negeri British sendiri.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, amalan yang kita terima sekarang ini ialah mengenai dengan firma-firma British yang ada di England dan di

negara-negara lain sahaja dan tidak dikenakan kepada Syarikat-syarikat British yang ada di Malaysia ataupun yang melabur di Malaysia ini.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri antara tawaran-tawaran British yang sudah diterima oleh Kerajaan, adakah tawaran-tawaran yang telah ditolak semenjak dasar baru dikeluarkan.

Kedua, adakah tawaran-tawaran yang dihantar sekarang jika datangnya daripada Britain, dengan seterusnya, ditolak oleh Kerajaan.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya sepanjang ini ada tawaran-tawaran yang ditolak dan bagi angkanya, demi untuk kepentingan umum, saya tidak bersedia hendak memberitahu Dewan ini.

WANG BIASISWA KEPADA PENUNTUT

3. **Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah penuntut Malaysia di seberang laut pada masa ini; wang biasiswa yang dikeluarkan oleh Kerajaan untuk mereka dan jumlah pertukaran wang asing yang terlibat; dan
- (b) memandangkan banyaknya wang yang terlibat dan bermacam-macam kesukaran yang dialami mengenai masalah pelajaran tinggi sama ada beliau akan menimbang untuk menubuhkan dua buah universiti lagi di negara ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga bulan Disember 1981 terdapat seramai 49,030 orang pelajar-pelajar Malaysia yang sedang menuntut di luar negeri. Dari jumlah ini seramai 13,892 adalah penuntut-penuntut anjuran Kerajaan. Jumlah wang biasiswa yang dikeluarkan oleh Kerajaan untuk membiayai pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri bagi tahun 1981 ialah \$141,530,918.

(b) Pada masa ini Kerajaan sedang mengkaji keperluan untuk menubuhkan sebuah universiti baru di negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, universiti-universiti yang sedia ada masih lagi dalam proses perkembangan dan belum mencapai jumlah pelajar maksima antara 8,000 hingga 10,000 orang bagi setiap universiti. Ketika ini hanya Universiti Malaya sahaja yang sudah mencapai jumlah pelajar antara 8,000 hingga 10,000 sedangkan keempat-empat universiti yang lain masih belum mencapai jumlah pelajar tersebut.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya merujuk kepada soalan (a), kita semua maklum bahawa inflasi meningkat jika kita lihat di England ataupun di Amerika. Adakah Kerajaan pada hari ini bercadang untuk menambahkan biasiswa anak-anak kita itu mengikut keadaan inflasi di negara-negara tersebut daripada satu masa ke satu masa?

Dato' Chan Siang Sun: Akan ditimbang balik.

Tuan Abdullah bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ramai penuntut-penuntut Malaysia yang belajar di seberang laut ialah 49,034 orang. Daripada 49,034 orang ini negeri manakah yang banyak sekali. Yang kedua, saya ingin tahu berapa ramai mengikut pecahan kaum daripada 49,034 orang.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang pertama negeri yang mana ramai penuntut kita dihantar, yang ramai sekali ialah United Kingdom. Soalan tambahan kedua, saya mohon minta notis.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan oleh kerana bercadang hendak menubuhkan dua lagi universiti adakah salah satu daripada universiti yang akan ditubuhkan ini akan diadakan di utara, di Sabah atau di Sarawak?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kita cuma katakan ada keperluan, barangkali kita akan menubuhkan sebuah lagi

tetapi tempat atau negeri mana akan ditempatkan universiti itu mengikut masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan K. Kumaran.

Tuan K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 4. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan saya naskah asal, barisan ketiga perkataan "turnkey", bukan "turkey". T-u-r-n. "Turnkey basis". Sila ambil perhatian.

PEMBINAAN PROJEK SECARA "TURNKEY BASIS"

4. Tuan K. Kumaran minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbangkan pemberian "projek construction" (pembinaan projek) secara "turnkey basis" kepada Kementerian-kementerian berkenaan memandangkan kelewatan dalam pembinaan-pembinaan bangunan terutama sekali pembinaan sekolah dan hospital.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk melaksanakan semua projek-projek pembangunannya dengan seberapa segera yang boleh tetapi kadangkala kelewatan (shortfall) tidak dapat dielakkan kerana beban pembangunan yang berat yang sedang diusahakan pada masa ini.

Sebagai satu langkah untuk mengatasi keadaan ini, Kerajaan telah mengambil daya usaha mengkaji dan meneliti sistem-sistem pelaksanaan projek cara moden yang dapat menjimatkan masa dan juga perbelanjaan. Satu di antara sistem yang dimaksudkan adalah sistem pelaksanaan "turnkey". Sistem pelaksanaan "turnkey" bukanlah satu cara yang baru di negara ini. Ianya telah dilaksanakan dengan jayanya di dalam pelaksanaan projek kebel dasar laut Kuantan dan Kuching, stesyen penerima satelite bumi di Melaka, hangar TUDM di Labuan dan test cell aero bagi TUDM, di Subang. Pada masa ini sistem ini sedang digunakan di dalam pembinaan projek daya bumi. Sistem ini telah diubahsuai mengikut kehendak dan keperluan Kerajaan dan keadaan setempat dan diberi nama sistem pelaksanaan yang dipercepatkan

atau dalam bahasa Inggeris, dengan izin, accelerated implementation system (AIS). Sistem baru ini sedang digunakan di dalam pelaksanaan projek-projek raksaksa di bawah Rancangan Pembesaran Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan dan akan diperluaskan penggunaannya di dalam mengendalikan projek-projek yang sesuai dan tertentu bagi semua Kementerianya.

Dengan sistem AIS turnkey, tanggungjawab bagi melaksanakan projek akan diserahkan kepada pemborong utama (primary contractor) yang dipilih oleh Kerajaan. Tanggungjawab itu termasuklah peringkat perancangan konsep, rekabentuk awal, penyiasatan tanah, rekabentuk terperinci, proses tender, pengurusan kontrak hingga ke peringkat penyeliaan, pembinaan tanpa mengikut peraturan-peraturan Kerajaan yang lazimnya digunakan bila mana sesuatu projek itu dilaksanakan secara conventional, pemborong tersebut dikehendaki memberi jaminan bahawa projek itu akan dilaksanakan dalam tempoh masa yang telah dijanjikan dengan harga yang telah disebut-hargakan. Dengan itu, pelaksanaan projek-projek dengan menggunakan sistem ini akan dapat dilaksanakan dengan cepat tanpa melibatkan pengurusan dan tenaga kerja yang banyak dari pihak Kerajaan. Kerajaan sedang mengkaji peraturan-peraturan pelaksanaan projek yang sedia ada untuk membolehkan sistem ini dikekalkan sebagai salah satu sistem yang boleh mempercepatkan pelaksanaan projek-projek dan mengurangkan perbelanjaannya.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bersabit dengan pembinaan projek turnkey basis yang diamalkan oleh kebanyakan negeri di sekeliling kita dan pembinaan dalam negara kita ini selalu pula didapati kelewatan. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pembinaan projek secara turnkey basis ini diamalkan oleh negeri-negeri besar yang maju, katalah negeri Jepun ataupun Korea sendiri ataupun di Amerika atau Britain.

Yang kedua, adakah sebenarnya cara pembinaan yang seperti ini benar-benar memberi manfaat kepada negara kita yang baru terlibat seperti Malaysia ini?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, turnkey ini memang ada digunakan oleh kedua-dua negeri-negeri lain yang sedang membangun dan juga negeri-negeri yang sudah maju. Jawapan yang kedua, memanglah amalan secara ini, turnkey basis ini menguntungkan kita kerana pertamanya dapat menyelamatkan masa atau dengan lain perkataan mempercepatkan pelaksanaan projek-projek. Yang keduanya, kita dapat menyelamatkan tenaga manusia dan juga boleh kita kurangkan pakar-pakar.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada pendapat saya kontrak yang diberi secara turnkey ini adalah mahal jika dibandingkan dengan kontrak conventional menggunakan pakar-pakar ataupun cerdik pandai kita sendiri, oleh kerana pelaksanaan kerja-kerja ini akan dibuat oleh pemborong-pemborong dengan pembayaran (fee) yang berkali ganda. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapakah kita menggunakan turnkey contract bila kita ada cerdik pandai dan pakar-pakar di negara kita?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak pilihkan sistem turnkey ini kita akan ambil setengah-setengah kontrak yang difikirkan patut kita gunakan sistem turnkey ini dan bukan kesemuanya terutamanya mana-mana yang difikirkan boleh menguntungkan dan boleh memurahkan projek-projek itu terutamanya yang boleh mengeluarkan hasil yang cepat.

Jawapan yang kedua, benar kita ada pakar-pakar kita tetapi dengan adanva banvak

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, PETRONAS sebagai sebuah syarikat minyak negara memanglah mempunyai rancangan untuk menyediakan perkhidmatan seluas-luasnya bagi meliputi seluruh negara. Walau bagaimanapun rancangan ini adalah bergantung sebahagian besarnya kepada permintaan pasaran dan kejayaan mendapatkan tapak-tapak yang sesuai.

Pada masa ini PETRONAS menjual disel dan minyak tanah melalui di stesyen skid-tank di seluruh Malaysia. Dua buah stesyen minyak petrol yang pertama telah memulakan operasinya di Kuala Lumpur tahun ini. Lebih banyak stesyen-stesyen seperti ini sedang dirancang untuk dibinakan di seluruh negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Selain dari itu PETRONAS juga menjual secara langsung minyak disel kepada ajensi-ajensi Kerajaan, kilang-kilang dan syarikat-syarikat pengangkutan di seluruh negara. Sementara jualan runcit gas memasak telahpun mula pada bulan Oktober tahun ini di Alor Setar, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. PETRONAS juga membekalkan minyak bunker ke pelabuhan Pasir Gudang dan pelabuhan Kelang dan minyak aviation ke Lapangan Terbang Senai, Bayan Lepas dan Subang.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Pada masa ini berapa negeri sahaja yang yang PETRONAS telah menjadi ajensinya di Malaysia dan saya hendak tanya daripada mana datangnya minyak yang

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian bersama-sama dengan Kerajaan Negeri telahpun memulakan usaha-usaha memulih semula tanah-tanah sawah yang terbiar dengan membaiki sistem pengairan, infrastruktur dan sistem pengurusan yang lebih berkesan. Setakat ini beberapa kawasan telahpun dilancarkan pembangunannya setelah kajian teliti dibuat, di antaranya ialah Seberang Prai Tengah, Bukit Kuong, Pasir Mas Kelantan dan kawasan Negeri Sembilan Timur. Selain dari itu kajian juga dijalankan untuk menentukan kesesuaian tanaman bagi sesebuah kawasan jika didapati tanaman padi

dan dituai sehingga sekarang dan saya tidak menerima apa-apa laporan berhubung dengan perkara yang ditanya oleh Yang Berhormat itu.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, adakah beliau sedar penanam-penanam padi pada masa sekarang ini di sebahagian besar di tanah air kita ini menanam padi dengan tidak ada ekonomik yakni tidak cukup sara hidup tahunannya. Kalau sekiranya benar, adakah Kerajaan bercadang untuk hendak mengatasi masalah ini. Itu yang pertama.

Yang Kedua, adakah Kerajaan bercadang

keadaan tanah-tanah itu sekarang tidak ada berair langsung, saya rasa banyak tempat-tempat yang lain yang hendak mendapatkan punca-punca air memang tidak dapat lagi. Di samping itu saya bertanya lagi tentang sawah-sawah yang terbiar ini, adakah pihak Kerajaan mengecualikan cukai tahunan di atas tanah tersebut kerana tidak ada hasilnya.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kegunaan tanah adalah dalam bidangkuasa Kerajaan Negeri tetapi seperti saya maklumkan dalam jawapan asal tadi bahawa di dalam selidikan kita, kita akan kaji tiap-tiap tanah itu kalau difikirkan bahawa tanah itu tidak lagi sesuai dengan tanaman padi tetapi sesuai dengan tanaman lain, cadangan tertentu akan dibuat tetapi itu terpulanglah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri sama ada bersetuju atau tidak untuk menukar cara kegunaan tanah itu. Begitu juga berhubung dengan hasil tadi, itu juga adalah di dalam bidangkuasa Kerajaan Negeri.

SURAT PERJANJIAN JUAL BELI RUMAH

8. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa surat perjanjian jual beli rumah oleh Syarikat Swasta dibuat dalam bahasa Inggeris sahaja, jika ya nyatakan tindakan yang akan diambil untuk mengarahkan syarikat-syarikat perumahan menyediakan surat perjanjian itu di dalam Bahasa Malaysia untuk mengelakkan salah faham di antara pembeli dan penjual.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Ahli Yang Berhormat itu adalah kurang tepat oleh kerana ada juga perjanjian jual beli rumah yang disediakan oleh syarikat-syarikat swasta dibuat dalam Bahasa Malaysia walaupun secara amnya perjanjian-perjanjian jual beli kebanyakannya dibuat dalam bahasa Inggeris. Setakat ini tidak ada undang-undang atau peraturan-peraturan yang menentukan bahawa perjanjian jual beli ini mestilah dibuat dalam bahasa yang tertentu sama ada Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris dan ini terpulanglah kepada pihak-pihak yang berkaitan menentukan bahasa yang digunakan di dalam perjanjian yang tersebut.

Sebenarnya apa-apa perjanjian jual beli rumah ataupun apa-apa perjanjian yang lain boleh menggunakan mana-mana satu bahasa yang boleh difahami di antara kedua-dua pihak yang menandatangani perjanjian tersebut asalkan perjanjian ini disempurnakan mengikut peraturan-peraturan yang ditentukan mengenyainya.

Bagi Kementerian saya perjanjian jual beli dalam Bahasa Malaysia ataupun bahasa Inggeris kedua-duanya adalah diterima asalkan perjanjian yang dibuat itu mematuhi peraturan-peraturan di bawah kaedah pemaju perumahan. Bagi perjanjian jual beli rumah yang pentingnya di sini ialah isi kandungan perjanjian itu dan dalam hal ini Kementerian saya menentukan bahawa isi kandungannya mematuhi kaedah Pemaju Perumahan 1970 dengan memeriksa tiap-tiap draf perjanjian jual beli yang digunakan oleh pemaju bagi satu-satu projek. Selagi perkara ini dilakukan saya berpendapat masalah di mana pemaju mengadakan perjanjian jual beli yang tidak munasabah tidak akan berbangkit. Dengan itu pembeli-pembeli adalah terjamin daripada apa-apa penyelewengan yang mungkin dilakukan oleh pemaju melalui perjanjian jual beli tersebut.

Bagi makluman Yang Berhormat juga setakat ini Kementerian saya tidak bercadang mengarahkan syarikat-syarikat perumahan untuk menyediakan surat perjanjian di dalam Bahasa Malaysia sahaja tetapi perkara ini akan ditimbang untuk masa depan.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian akan menimbang pada masa akan datang iaitu perjanjian-perjanjian dibuat ini tidak sepatutnya dibuat dalam satu bahasa sahaja sama ada bahasa Inggeris ataupun bahasa China, tetapi oleh kerana Bahasa Malaysia sudah menjadi Bahasa Kebangsaan sepatutnya Bahasa Kebangsaan ini hendaklah disertai dengan satu bahasa lain yang dipilih oleh syarikat-syarikat swasta itu. Itu satu.

Yang kedua, telah berlaku bukan tidak berlaku, telah berlaku di antara pemaju-pemaju perumahan itu dengan baik, pihak yang membeli rumah telah berlaku silap faham—salah faham iaitulah dengan sebab pihak yang membeli tidak faham kandungan

itu kerana dikatakan kandungan itu semuanya dalam bahasa Inggeris, dia tidak mengerti. Jadi oleh kerana dia tidak mengerti bahasa Inggeris apakala dia telah diminta menyempurnakan apa-apa yang ada dalam kandungan itu, maka masa itu baharulah bawa perjanjian itu dia minta faham daripada orang yang mengerti baharulah dia faham yang dia itu tertipu. Dengan sebab itu, saya ingin bertanya kepada Kementerian, oleh kerana hendak mencegah dan menjaga muslihat rakyat negeri ini supaya tidak terkena tipu dan supaya tidak lagi berbuah dua kali, bolehkah atau tidak pada masa akan datang berdasarkan undang-undang yang dipakai oleh pihak Kementerian itu, satu daripadanya selain syarat-syarat yang dikatakan itu memaksakan pihak syarikat swasta itu di samping menggunakan bahasa yang lain itu menggunakan Bahasa Malaysia boleh atau tidak.

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, bagi maklumat Ahli Yang Berhormat perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu akan dipertimbangkan. Di sini saya suka menjelaskan bahawa soalan yang kedua itu mungkin berlaku tetapi bagi maklumat Yang Berhormat biasanya perjanjian ini dibuat di hadapan atau melalui peguam, sama ada pihak pembeli atau penjual yang mana pihak peguam ini bertanggungjawab memberikan penerangan yang lanjut kepada pembeli. Dengan demikian maka sekiranya perkara ini dipatuhi tidak mungkin terjadi masalah penipuan seperti yang ditimbulkan.

Yang kedua, mengenai dengan timbul untuk menimbang pada masa akan datang, saya sukacita juga memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian saya memang telahpun membuat deraf dan akan melaksanakan perjanjian jual beli yang standard yang mana jual beli ini diketahui oleh umum dan inipun dibuat dalam dua bahasa, dan jika perlu apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat itu boleh dipertimbangkan.

Tuan S. I. Rajah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan iaitu perjanjian yang dikatakan "Standard Sale and Purchase Agreement" itu bilakah Kementerian ini

hendak dikeluarkan? Kalau ada hendak dikeluarkan perjanjian ini adakah dibuat dalam dua bahasa, iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia?

Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya terangkan di sini bahawa surat perjanjian yang standard, yang seragam ini akan kita laksanakan tidak berapa lama lagi dan sebagaimana biasa kita buat dalam dua bahasa juga, iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.

KILANG MEMILIKI ALAT BAHAN RADIO AKTIF

9. Tuan K. Kumaran minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan kilang yang memiliki alat-alat bahan "radio aktif" di negara ini dan langkah-langkah yang diambil untuk mengawasi import, penggunaan dan pengeluaran bahan-bahan radio aktif ini.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini ada 42 kilang-kilang yang memiliki alat-alat bahan radio aktif di Semenanjung Malaysia. Kebanyakan daripadanya ialah kilang-kilang elektronik yang menggunakan bahan radio aktif dalam proses pengeluaran, selain dari itu ada 14 syarikat pemeriksaan bebas yang menggunakan bahan radio aktif untuk mengesan sebarang keretakan atau kecacatan sesuatu alat logam. Mana-mana jentera yang menggunakan bahan radio aktif adalah dipasang di tempat-tempat yang terkawal dan terlindung di kilang-kilang berkenaan. Hanya orang-orang yang mempunyai surat kelulusan dari Kementerian Kesihatan sahaja dibenarkan menggunakan jentera-jentera tersebut. Semua operator jentera-jentera itu di mestikan memakai lencana yang boleh mengesan sebarang pancaran radio aktif. Lencana-lencana tersebut kemudiannya dihantar ke Kementerian Kesihatan dari semasa kesemasa untuk mengesan sebarang tanda bahaya pancaran radio aktif yang mungkin terkena kepada pekerja-pekerja berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahan-bahan radio aktif tidaklah dikeluarkan di Malaysia. Pengimportan dan penggunaan bahan-bahan radio aktif adalah terkawal di bawah peruntukan-peruntukan Akta Benda-benda Radio Aktif tahun 1968 yang adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan. Mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Akta tersebut satu permit hendaklah diperolehi dahulu daripada Kementerian Kesihatan untuk membuat, menjual, menyimpan, mengimport dan mengeksport, mengguna dan mengendalikan bahan-bahan radio aktif. Sebelum sesuatu permit itu dikeluarkan pemeriksaan-pemeriksaan akan dijalankan bagi memastikan bahawa syarat-syarat dan peraturan-peraturan keselamatan dipatuhi dengan secukupnya.

Pemegang-pemegang permit dan penguna-penguna bahan radio aktif adalah dikehendaki mengemukakan penyata tahunan kepada Kementerian Kesihatan bagi bahan-bahan radio aktif yang diimport. Ini adalah salah satu cara untuk mengawasi pengimportan tersebut. Pengawasan juga dijalankan oleh Unit Perlindungan Pancaran (Radiation Protection Unit) di Kementerian Kesihatan ke atas penggunaan bahan radio aktif melalui pelesenan dan pemeriksaan. Selain dari itu pemeriksaan-pemeriksaan tahunan dan juga secara mengejut sentiasa dijalankan oleh pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa bagi memastikan segala syarat-syarat dan peraturan-peraturan keselamatan di patuhi.

Oleh kerana jentera-jentera yang menggunakan bahan-bahan radio aktif adalah di kilang-kilang maka Jabatan Kilang dan Jentera, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat adalah juga terlibat dari segi keselamatan dan kesihatan. Jabatan tersebut telah mengambil langkah untuk mendaftar jentera-jentera di kilang-kilang yang menggunakan bahan radio aktif. Pegawai-pegawai Jabatan Kilang dan Jentera sentiasa memeriksa jentera-jentera yang berkenaan untuk memastikan langkah-langkah keselamatan dan kesihatan mengenai bahan-bahan radio aktif dipatuhi dengan secukupnya. Jika terdapat ada percanggahan

mana-mana peruntukan Akta Kilang dan Jentera, 1967 Kementerian saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Jika terdapat percanggahan mana-mana peruntukan Akta Benda dan Radio Aktif, 1968 Kementerian Kesihatan akan dimaklumkan untuk mengambil tindakan sewajarnya.

PERLAKSANAAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

10. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pelaksanaan pembangunan Luar Bandar pada masa ini tidak memuaskan dan, jika sedar nyatakan tindakan dinamis yang beliau akan ambil untuk mempercepatkan pembangunan luar bandar.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab bagi Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Saya tidak bersetuju dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat itu yang mengatakan pelaksanaan pembangunan luar bandar pada masa ini tidak memuaskan.

Dalam konteks pembangunan luar bandar perlaksanaannya adalah bergantung kepada kerjasama dan sambutan di antara dua pihak—Kerajaan dan rakyat. Pelaksanaan dibuat mengikut keperluan jangka pendek, sederhana dan panjang; berbeza mengikut tanggapan kedua-dua pihak tersebut.

Sepanjang masa ini Kerajaan telahpun banyak melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan bagi kawasan luar bandar. Namun demikian, Kerajaan sendiri memang sedar masih banyak lagi rancangan-rancangan yang patut dilaksanakan di masa akan datang. Dalam hubungan ini patut saya beri jaminan di sini bahawa seberapa banyak rancangan-rancangan akan dilaksanakan oleh Kerajaan dari satu masa ke satu masa, mengikut kemampuan kita bagi dinikmati oleh penduduk-penduduk kawasan luar bandar.

Kerajaan akan sentiasa melakukan perancangan, pelaksanaan dan penilaian

projek-projek pembangunan luar bandar secara berterusan, atas matlamat untuk memberi faedah yang maksima kepada rakyat selain dari memenuhi keperluan rakyat. Keperluan-keperluan yang diadakan sekarang dalam bentuk Pemulihan Kampung, Projek-projek Kecil Luar Bandar, Amalan Makanan Pemakanan, Projek Jalan Luar Bandar, adalah merupakan langkah-langkah untuk membangunkan kawasan luar bandar itu.

Di samping itu Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini akan terus menanam dan menghidupkan semangat berdikari di kalangan rakyat supaya lahir golongan rakyat yang akan boleh menikmati hasil-hasil pembangunan yang berlaku banyak atas usaha-usaha mereka sendiri dan sedikit bantuan daripada Kerajaan. Sesungguhnya masyarakat kita telah ada pengetahuan tentang konsep-konsep pembangunan seperti itu tetapi apa yang perlu sekarang ialah memupuk lebih lagi semangat mereka untuk melaksanakannya.

PENGAMBILAN BALIK TANAH SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL

11. Tuan M. Muthupalaniappan minta Menteri Pelajaran menyatakan bila Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) di Ladang Tanah Merah di Daerah Port Dickson dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) di Bandar Port Dickson sendiri akan mula dibina.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, pengambilan balik tanah bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) di Bandar Port Dickson seluas lebih kurang 3 ekar sedang dipohon. Setelah proses pengambilan balik tanah selesai pembinaan sekolah akan dimulakan.

Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Tanah Merah pada masa ini adalah merupakan Sekolah Bantuan Penuh Bukan Milik Kerajaan. Sekolah tersebut dibina di atas tanah kepunyaan Kumpulan Guthrie seluas lebih kurang 4.7 ekar. Kumpulan Guthrie telah bercadang hendak menyerahkan kepada Kerajaan tanah tersebut dan pada kebiasaannya Kementerian Pelajaran akan menerima tawaran tersebut

sekiranya tidak ada apa-apa syarat di atas penyerahan itu. Dengan yang demikian, pada masa ini, Kementerian Pelajaran sedang menimbangkan cadangan tersebut dan kemudian memproses penyerahan tanah itu. Setelah penukaran taraf sekolah selesai pembinaan sekolah baru akan dimulakan di atasnya.

SKIM INSURAN TANAMAN

12. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau ada rancangan untuk menjalankan penyiasatan dan penyelidikan dalam rancangan insuran tanaman (crop insurance) dan mengesyorkan pelaksanaannya kepada kompeni-kompeni insuran, terutamanya Malaysian Cooperative Insurance Society (MCIS) bagi menampung kerugian-kerugian yang dialami oleh petani-petani dan mengurangkan beban Kerajaan.

Menteri Pertanian (Dato Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian sedang menjalankan satu kajian peringkat awal terhadap kemungkinan mengadakan Skim Insuran Tanaman. Mengikut tinjauan awal ini, negara-negara yang pernah melaksanakan skim seperti ini telah menghadapi beberapa masalah besar dan juga mengalami kerugian. Oleh itu, kita perlu mengkaji secara mendalam implikasi-implikasi sebelum skim tersebut boleh dilaksanakan.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selalunya insuran ini ialah kepada bangunan, kenderaan, nyawa dan perniagaan. Saya ingin tahu adakah Kerajaan bercadang pula supaya meliputi pertanian, perladangan dan dusun-dusun dikenakan insuran?

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, telahpun saya jawab tadi bahawa perkara ini masih dalam kajian.

POLIS—KEKASARAN TERHADAP ORANG RAMAI

13. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak aduan telah dibuat oleh orang ramai

mengenai pihak polis menyiksa orang-orang yang ditahan oleh kerana disyaki melakukan jenayah; jika ya, nyatakan sama ada:

- (a) perlu bagi pihak polis menyiksa tahanan-tahanan itu untuk mendapat maklumat atau pengakuan; dan
- (b) beliau akan ambil tindakan tertentu ke atas anggota polis yang didapati melakukan penyiksaan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada tahun 1979 sehingga bulan September, 1981 terdapat sebanyak 121 aduan mengenai penyalahgunaan kuasa oleh pihak polis terhadap orang tahanan. Daripada jumlah ini sebanyak 12 anggota polis telah didakwa di mahkamah dan seorang diambil tindakan tatatertib. Daripada jumlah aduan tersebut, sebanyak 28 aduan telah tidak diambil tindakan kerana tidak mempunyai keterangan yang mencukupi manakala 80 aduan lagi masih di dalam tindakan penyasatan.

Adalah juga dimaklumkan bahawa tidak terdapat peraturan-peraturan atau undang-undang yang membolehkan seseorang anggota polis menyalahgunakan kuasa seperti menyiksa orang-orang yang ditahan. Anggota-anggota polis yang menyalahgunakan kuasa adalah melanggar peraturan dan mereka tidak terkecuali daripada undang-undang.

LESEN TEKSI KEPADA PEMOHON

14. Datuk G. Pasamanickam minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) apakah dasar dan kriteria Kementerian dalam memberikan lesen teksi kepada pemohon;
- (b) untuk berapa lamakah seseorang pemohon teksi boleh menganggap permohonannya yang lama masih dalam pertimbangan dan tidak payah membuat permohonan baru; dan
- (c) apakah sebabnya permohonan-permohonan yang mempunyai pengalaman lama membawa teksi dan telah memohon beberapa tidak diberi

pertimbangan manakala yang mempunyai pengalaman sedikit dan baru sekali dua memohon berjaya mendapatkan lesen teksi.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, dasar yang diikuti oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian Perusahaan Awam di dalam mengeluarkan permit teksi ialah dasar pemilik-pemandu sendiri. Ini bermakna pada asalnya bahawa lesen-lesen baru teksi hanya akan dikeluarkan kepada pemilik-pemandu sahaja. Kekecualian diberi kepada manamana koperasi atau syarikat-syarikat yang dianggotai keseluruhannya oleh pemandu-pemandu teksi. Di antara kriteria yang digunakan bagi menimbangkan permohonan-permohonan permit teksi-kereta sewa ialah mengenai latar belakang pemohon itu sendiri. Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan akan memberi keutamaan kepada pemohon-pemohon yang sememangnya bergantung hidup sebagai pemandu teksi. Keutamaan juga diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai lesen Perkhidmatan Awam (PSV) dan pengalaman yang agak lama. Dengan penentuan keutamaan ini, bererti peluang seseorang yang mempunyai pengalaman kurang daripada 5 tahun diberikan permit adalah tipis, kecuali ianya dari golongan-golongan tertentu seperti bekas-bekas tentera.

Mengikut amalan yang digunakan sekarang, tiap-tiap pemohon yang mengutarakan permohonannya ke Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan akan diberikan kad akuan terima iaitu kad berwarna putih yang memaklumkan bahawa permohonan yang dihantar itu telah selamat diterima dan di dalam tindakan. Setelah Lembaga memproses dan menyemak tiap-tiap permohonan yang diterima, dua bentuk jawapan akan diberikan kepada pemohon. Sekiranya didapati pemohon-pemohon kurang berkelayakan ataupun tidak mengisi borang-borangnya dengan lengkap, permohonan tersebut akan ditolak, dan surat tolak akan dihantar kepada pemohon berkenaan. Sekiranya permohonan yang diterima memenuhi syarat-syarat dan kriteria-kriteria seperti di atas, maka permohonan tersebut akan dipanggil temuduga. Oleh yang demikian, sekiranya

seseorang pemohon itu mendapat surat akuan terima tetapi belum mendapat surat tolak ataupun panggilan untuk temuduga, maka permohonan beliau masih lagi di dalam tindakan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan. Saya ingin memberitahu Yang Berhormat iaitu pemohon-pemohon yang menghantar permohonan mereka sebelum 1hb Jun, 1981 sepatutnya telah menerima jawapan. Jika ada pemohon yang belum mendapat apa-apa jawapan, saya menyeru mereka supaya membuat pertanyaan kepada Setiausaha, Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan. Permohonan-permohonan yang dibuat selepas 1hb Jun, 1981 masih lagi di dalam tindakan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan. Setakat ini masih ada permohonan yang dalam proses.

Seperti yang telah saya nyatakan di atas Kementerian mempunyai dasar serta kriteria-kriteria tertentu di dalam mempertimbangkan permohonan-permohonan untuk mendapatkan permit teksi. Dasar dan kriteria yang dinyatakan itu adalah jelas. Sekiranya Ahli Yang Berhormat ada mengetahui mana-mana pemohon yang mempunyai pengalaman yang telah memohon beberapa kali tetapi tidak diberi pertimbangan, silalah kemukakan perkara tersebut kepada Kementerian.

Datuk G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Menteri yang berkenaan yang memberi jawapan, tetapi ada pula satu bahagian yang membawa teksi sungguhpun dia sudah dapat permit tetapi tak ada mampu mahu keluar duit sendiri. Sungguhpun ada juga peluang boleh dapat pinjaman daripada bank tetapi faedahnya adalah sangat berat. Adakah Kerajaan mempunyai satu skim pinjaman untuk pembawa teksi di mana mereka boleh dapat pinjaman dengan faedah yang kurang sedikit?

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, itu terpulanglah kepada pemohon itu sendiri untuk mencari institusi kewangan untuk mendapat pinjaman sama ada melalui pinjaman ataupun melalui leasing ataupun melalui cara sewa dengan syarikat-syarikat penjual kereta itu sendiri. Bagi bumiputera pula memang ada pinjaman dan mereka boleh memohon kepada MARA.

POLIS—PENGGUNAAN SENJATAPI

15. Tuan Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa senjatapi (pistol) telah tidak diberi kepada tiap-tiap anggota polis yang menjalankan rondaan biasa, jika ya, nyatakan sama ada beliau berpuashati dengan keadaan ini dan bolehkah beliau menjamin keselamatan anggota Polis semasa menjalankan rondaan biasa tanpa dilengkapkan dengan senjatapi.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar untuk mengatakan bahawa tiap-tiap anggota Polis yang menjalankan tugas rondaan biasa tidak dibekalkan dengan senjatapi (pistol).

Apa yang telah dilakukan ialah bahawa kajian yang mendalam telah dibuat mengenai peraturan menggunakan senjatapi dan didapati bahawa tidak ada keperluan menggunakan senjatapi oleh anggota-anggota Polis di setengah-setengah tempat tertentu. Di bawah peraturan baru, Ketua-ketua Polis Negeri dan Ketua-ketua Polis Daerah adalah diberi kuasa menentukan, selepas mengkaji keadaan keselamatan dan ancaman, tempat-tempat di mana senjatapi perlu digunakan semasa bertugas; tempat-tempat di mana kedua-duanya senjatapi dan cota patut digunakan; dan tempat-tempat di mana penggunaan cota sahaja sudah memadai. Patut diingat bahawa peraturan baru ini adalah hanya satu garis panduan sahaja.

FELDA—PEMOHON-PEMOHON PENEROKA

16. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai pemohon-pemohon yang telah berjaya dipilih sebagai peneroka FELDA semenjak tahun 1974 masih belum ditempatkan di rancangan-rancangan tanah FELDA, jika ya, nyatakan sebab-sebabnya kelambatan ini berlaku dan cadangan-cadangan untuk menempatkan mereka secepat mungkin di rancangan-rancangan FELDA.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini calon-calon yang berjaya dan disenaraikan sebagai calon menunggu ialah seramai 10,850. Dari jumlah itu, 4,246 adalah calon-calon yang berjaya ditemuduga dalam tahun 1974 dan pecahannya mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Calon</i>
Kedah	385
Perak	692
Selangor	69
Negeri Sembilan	164
Melaka	162
Johor	623
Kelantan	1,259
Trengganu	892
	4,246

Tuan Yang di-Pertua, di antara sebab-sebab kelewatan menempatkan calon-calon yang berkenaan ialah kerana ketiadaan atau kekurangan rancangan-rancangan baru yang dibuka oleh Felda di negeri-negeri di mana calon-calon itu berasal dan juga kelewatan menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan masuk, bekalan air, bangunan sekolah dan lain-lain lagi. Bagi calon-calon menunggu dari negeri yang mempunyai kurang/tiada rancangan-rancangan Felda, pihak Felda sentiasa berusaha untuk membawa mereka ke negeri-negeri lain, tetapi penempatan mereka adalah tertakluk kepada persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan. Pada masa ini hanya Kerajaan Negeri Pahang dan Negeri Sembilan sahaja yang telah bersetuju menerima calon-calon dari luar dengan bilangan yang terhad, iaitu bagi Negeri Pahang 50% dan Negeri Sembilan 10% dari tempat-tempat yang disediakan. Adalah diharapkan di masa yang akan datang Negeri-negeri di mana terdapat banyak rancangan-rancangan baru Felda akan menerima ramai lagi calon-calon dari Negeri-negeri yang kurang/tiada mempunyai rancangan-rancangan Felda.

Mengenai penyediaan kemudahan-kemudahan asas di rancangan-rancangan, Agensi Felda dan Kementerian yang berkenaan sedang berusaha untuk menyegerakan penyediaan kemudahan-kemudahan tersebut.

Selain daripada itu, Felda akan menempatkan sekurang-kurangnya 6,000 peneroka lagi dalam tahun 1982 yang akan datang. Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang telah lama menunggu. Adalah diharapkan sebahagian besar daripada calon-calon yang ditemuduga dalam tahun 1974 itu akan dapat ditempatkan pada akhir tahun 1982.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi soalan No. 17 hingga 21 adalah diberi di bawah ini).

TENDER PROJEK-PROJEK KERAJAAN

17. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa "tender" untuk projek-projek Kerajaan adalah lebih tinggi harganya dari yang sebenar dalam pasaran terbuka dan jika ya, nyatakan bagaimana Kerajaan boleh mengawal pembaziran wang negara di bidang ini.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Adalah tidak benar menyatakan bahawa harga tender yang disetujuterima untuk projek-projek Kerajaan lebih tinggi daripada harga sebenar dalam pasaran terbuka. Ini sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, adalah kerana sebutharga melalui proses tender itu menentukan adanya persaingan yang sihat di kalangan penender-penender. Melalui sistem tender sebutharga-sebutharga oleh penender-penender itu adalah dibandingkan dengan kos anggaran satu-satu projek itu yang mana disediakan oleh pakar-pakar dalam Jabatan-jabatan Kerajaan yang terlibat. Dengan adanya beberapa sebutharga yang diterima dalam sesuatu urusan tender bagi projek Kerajaan itu, Kerajaan mempunyai pilihan

yang strategik di mana soal harga adalah satu daripada faktor-faktor penting yang diambil kira sebelum sesuatu tawaran itu disetujuterdima.

PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI—JUMLAH ANAK SYARIKAT

18. Tuan V.V. Aboo minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) jumlah syarikat-syarikat atau anak-anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang telah ditutup setakat ini;
- (b) adakah sebarang syarikat-syarikat atau anak-anak syarikat di Negeri Pahang sedang di dalam pertimbangan untuk ditutup;
- (c) apakah sebab yang utama selain daripada mengalami kerugian, sesebuah syarikat-syarikat Perbadanan Ekonomi Negeri diarah supaya ditutup; dan
- (d) adakah beliau bercadang untuk menubuhkan sebuah badan atau suruhanjaya bebas untuk mengkaji atau mengawasi pergerakan sesebuah syarikat atau anak-anak syarikat Perbadanan Ekonomi Negeri.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):

- (a) Jumlah syarikat-syarikat atau anak-anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang telah dan dalam proses penutupan ialah sebanyak 41 buah syarikat. Keputusan menutup syarikat-syarikat ini adalah dibuat setelah kerugian-kerugian yang dialami itu dikaji dengan teliti dan ditimbangkan opsyen-opsyen atau pilihan-pilihan yang wajar diambil.
- (b) Buat masa ini tidak ada syarikat atau anak-anak syarikat di negeri Pahang yang telah atau sedang dalam pertimbangan untuk ditutup.
- (c) Sebab-sebab utama sesebuah syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi diarahkan ditutup ialah:
 - (i) Untuk mengelak kerugian yang berterusan.

- (ii) Prestasi kurang memuaskan dan tidak mempunyai masa hadapan yang lebih baik.

(d) Jawapan bagi soalan ini telah saya jelaskan dalam jawapan saya di Dewan ini pada 9-12-1981 dan saya tidak ada apa-apa tambahan lagi.

SEKOLAH-SEKOLAH TAMIL DI TANAH PERSENDIRIAN

19. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian sudah membuat blueprint untuk mengambil semua sekolah-sekolah Tamil yang terletak di tanah-tanah persendirian supaya pemberian Bantuan Modal dapat berkesan lagi.

Dato' Chan Siang Sun: Pertama perlu dijelaskan bahawa dalam rancangan pembangunan pelajaran Kementerian Pelajaran tidak bercadang menggubal "blueprint" untuk mengambil semua sekolah-sekolah Tamil yang terletak di tanah-tanah persendirian. Kementerian berpendapat bahawa rancangan itu akan menimbulkan berbagai masalah berkaitan dengan hak milik dan undang-undang kanun tanah. Sebaliknya, perancangan yang ada sekarang ini berpandukan kepada satu persetujuan yang telah tercapai di antara pihak Kementerian dengan pihak pengurus ladang termasuk tuan tanah persendirian yang membenarkan pihak Kementerian mengambil alih sekolah-sekolah tersebut.

Kedua, perlu saya tegaskan bahawa semua sekolah rendah Tamil yang bukan Kerajaan memang ada menerima pemberian bantuan modal dari Kerajaan untuk projek-projek pembangunan di sekolah-sekolah berkenaan. Di samping itu sekolah-sekolah tersebut juga menerima bantuan geran per kapita sepertimana yang diperuntukkan untuk sekolah-sekolah Kerajaan yang lain.

PERGADUHAN TENTERA/POLIS

20. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menjelaskan sebab-sebab berlakunya

pergaduhan antara sekumpulan kecil tentera dengan polis di salah sebuah negeri baru-baru ini, dan apakah tindakan ke atas mereka yang terlibat setakat ini.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Penyiataan yang rapi telahpun selesai dijalankan dan didapati peristiwa yang berlaku di Kangar, Perlis pada 29hb September, 1981 itu adalah berpunca daripada salah faham yang timbul di kalangan sebilangan kecil anggota tentera dan polis. Walau bagaimanapun, peristiwa itu telahpun dapat diselesaikan.

Kertas penyiataan ke atas mereka yang terlibat itu telah dikemukakan kepada Y.B. Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya menurut undang-undang.

ALAT PERTAHANAN NEGARA— PERTOLONGAN ASING

21. Dato Haji Mohd Nor Mohamad minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan boleh menerima pertolongan asing secara percuma mendapat alat-alat pertahanan percuma seperti negara-negara ASEAN yang lain.

Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Dasar Pertahanan yang diamalkan oleh Negara Malaysia ialah satu dasar pertahanan yang berupaya berdikari (self reliance defence) dalam menghadapi ancaman dari dalam dan luar negeri. Dasar pertahanan ini adalah dibentuk sejajar dengan dasar luar negara yang bersifat berkecuali (non-aligned).

Menyentuh soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai pertolongan asing dalam mendapat alat-alat pertahanan percuma itu, percuma di sini bukan percuma dalam ertikata sebenarnya, tetapi ianya mempunyai tujuan dan implikasi tertentu. Oleh itu Kerajaan sentiasa berhati-hati dan memandang serious dalam hal menerima pertolongan asing supaya tidak bercanggah dengan dasar pertahanan dan dasar luar negara kita.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1980 dan 1981)

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (18hb Disember, 1981).

3.34 ptg.

Dato Haji Ismail bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung ucapan saya berhubung dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan tahun (1980 dan 1981).

Soal pokok berhubung dengan ucapan yang lalu saya menekankan faedah-faedah yang sepatutnya, orang luar bandar, orang-orang kampung dapat menikmati daripada segala pembangunan khususnya di dalam pembangunan pertanian. Perhubungan mereka yang lebih dekat iaitu Penghulu-penghulu, Ketua-ketua Kampung, Pegawai-pegawai Pertanian dan Persatuan-persatuan Peladang, mereka ini yang lebih dekat dan rapat boleh membuat perhitungan dan perhubungan yang memberi kesan kepada penduduk-penduduk di luar bandar untuk meninggikan taraf hidup mereka di luar bandar.

Saya suka menarik perhatian iaitu mengenai semangat Buku Hijau yang telahpun bergema iaitu menarik perhatian rakyat seluruhnya dalam negeri ini pada masa yang lampau. Pada masa ini telah senyap-sunyi, tidak ada siapa yang hendak membangkitkan perkara itu padahal semangat itu adalah sepatutnya sentiasa diamalkan dan disampaikan kepada petani-petani oleh mereka yang bertanggungjawab supaya petani-petani ini dapat menambah sedikit sebanyak ataupun berdiri di atas kaki sendiri di kampung mereka sendiri. Tetapi apa yang telah berlaku, mereka yang bertanggungjawab ini sepanjang yang saya tahu tidak ada yang mengambil bahagian

yang tegas sehinggakan orang kampung menderita dan orang kampung makanan tidak cukup dan sebagainya.

Pada masa beberapa hari yang lalu, Tuan Yang di-Pertua, satu soalan telah berbangkit mengapa katanya orang Melayu sahaja yang dapat penyakit darah tinggi? Rasa saya memang betul-betul pertanyaan itu, tetapi malangnya orang Melayu kerana kedudukannya tidak begitu lumayan, tidak sepertimana lain-lain bangsa boleh membeli makanan yang seimbang dan mendapat zat yang sepatutnya maka dengan sebab itulah penyakit-penyakit menimpa mereka. Yang sebetulnya orang-orang kampung tidak terdaya atau tidak mampu hendak membeli-belah seperti minyak Flora atau minyak jagung yang mahal bahkan mereka di kampung menggunakan minyak kelapa ataupun santan kelapa boleh dikatakan sehari-hari yang pada pendapat pakar-pakar yang santan kelapa atau minyak kelapa inilah yang mengandungi kolesterol yang lebih tinggi, yang menyebabkan darah tinggi kepada orang-orang Melayu. Jadi apa yang diharap-harapkan daripada pegawai-pegawai ataupun mereka yang bertanggungjawab ini sentiasa mengambil ingatan dan sentiasa melawat dan mengambil tahu supaya penduduk-penduduk di kampung ini tidak membuat satu soalan politik pada masa yang akan datang. Kita harap, kita tidak mahulah mereka ini menimbulkan perkara-perkara yang tidak puas hati dan menimbulkan perkara-perkara yang mencerca dan mencaci Kerajaan pada masa yang akan datang. Kalau ada pegawai-pegawai ini mengambil berat ataupun mengambil tahu bagaimana kehidupan mereka itu, saya percaya orang kampung khususnya orang Melayu boleh dibentuk, boleh ditunjuk ajar dan boleh menerima segala nasihat yang diberi.

Yang kedua, berkenaan dengan Kerajaan Tempatan, sudah bertahun-tahun Kerajaan Tempatan ini menjalankan pentadbirannya yang tidak begitu memberi puas hati kepada penduduk-penduduk yang berkenaan di dalam bandar. Jadi saya berharap kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini mengambil satu langkah untuk memperbaiki lagi perkhidmatan-perkhidmatan yang dibuat di dalam satu-satu Kerajaan Tempatan, sebagaimana yang ada

berlaku pada hari ini tiap-tiap Yang di-Pertua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan itu boleh dikatakan semua ialah datangnya daripada Pegawai Daerah dalam daerah itu, padahal Pegawai Daerah sebagaimana kita tahu adalah seorang pegawai yang bertanggungjawab dan yang banyak mungkin tidak ada masa atau kelapangan untuk mengambil lebih tahu kepada Majlis-majlis Daerah Tempatan itu.

Jadi di sini apalah salahnya kalau sekiranya Kementerian ini mengkaji semula iaitu mengadakan Majlis Kebangsaan (National Council) yang sepatutnya bersidang pada tiap-tiap tahun, mengkaji semula untuk mengadakan pegawai khas yang hari ini pegawai-pegawai kita banyak yang berkelayakan untuk menjalankan tugas di dalam Majlis-majlis Bandaran dan tidaklah lagi dibebankan kepada Pegawai-pegawai Daerah yang sudah ada sedia menanggung beban yang berat.

Yang kedua dalam Kerajaan Tempatan ini juga, wakil-wakil yang duduk di tempat itu, saya harap Kerajaan mengambil tahu dan Kerajaan Tempatan juga mengambil tahu iaitu memilih wakil-wakil ini sebenarnya wakil-wakil ini datangnya daripada orang-orang yang bertanggungjawab dan tahu menjalankan sebanyak sedikit selok-belok di dalam Majlis Bandaran, kerana Majlis Bandaran ini sangat penting kepada orang ramai. Kalau ini tidak diambil tahu akan merugikan Kerajaan dalam segi politik.

Dari itu kita berharaplah wakil-wakil yang duduk dalam Majlis itu sebenarnya orang-orang yang bertanggungjawab kepada orang ramai yang tahu cara-caranya lebih kurang menjalankan tanggungjawab masing-masing iaitu tidak mencampuri perkhidmatan-perkhidmatan ataupun pentabiran yang ada di dalam satu-satu Majlis Daerah. Ini rasa saya sepatutnya Kerajaan Tempatan telah lama mengambil tahu dalam perkara ini supaya tidaklah berlaku sebagaimana yang berlaku hari ini di separuh-separuh Majlis Tempatan itu ahlinya bertahun-tahun tidak bertukar, begitu juga mereka yang duduk di tempat itu padahal di dalam tempat itu banyak pegawai-pegawai yang lebih cekap dan lebih ada pengalaman seperti pegawai-pegawai Kerajaan yang telah bersara, yang

telah cukup pengalaman, sepatutnya mereka ini diberi peluang duduk di dalam satu-satu Majlis Daerah itu menjalankan pentadbiran di dalam tempat-tempat itu.

Di sini sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sepatutnya pada masa yang akan datang perbekalan ini tidak timbul lagi, mungkin barangkali pada masa yang akan datang Menteri-menteri yang berkenaan membuat peranggaran perbelanjaan, tidaklah sebagaimana yang ada hari ini kekurangan beribu-ribu, berjuta-juta untuk minta dalam Dewan ini meluluskannya. Seolah-olah satu Kementerian pun tidak ada yang lebih, sama cukup pun tidak ada; bahkan keseluruhannya kurang. Jadi saya harap satu-satu Kementerian bila membuat peruntukan atau mengemukakan peranggaran perbelanjaan pada masa yang akan datang hendaklah dengan cermat dan teliti mengkaji seluruh segi supaya tidak berlaku lagi meminta tambahan sampai berjuta-juta.

Demikianlah, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

3.45 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain
Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan suatu Akta bagi menggunakan Kumpulanwang yang disatukan untuk perbelanjaan bagi tahun 1980 dan 1981 ini, saya harus tidak hendak bercakap panjang di dalam menyokong Bil ini kerana baru di dalam kita membuat perbahasan Budget tempoh hari banyak sudah disentuh sama ada dari saya dan Ahli-ahli di dalam Dewan ini.

Saya cuma hendak sentuh beberapa perkara sahaja mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981) ini kepada Kepala B. 33 Jadual Pertama dan Kepala B. 35 Jadual Kedua iaitu peruntukan kepada wang berkanun. Saya kurang faham kenapa ada dua peruntukan dan daripada dua peruntukan itu diuntukkan dengan banyak wangnya. Harapan saya, peruntukan ini tidak disalahgunakan dan tidak membazir oleh Kerajaan dalam menetapkan wang ini bagi usaha dan kemajuan tetapi usahanya selalu kita dengar digembar-gemburkan. Di dalam masalah

kemajuannya selalu tersangkut dan tersekat-sekat, kenapa masalah ini selalu berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi pula kepada Kepala B. 53 dan B. 59. Ini sungguh amat dirasakan oleh rakyat. Selalu kita dengar di dalam soal jawab mulut dan di dalam perbahasan-perbahasan kita di mana dalam masalah ini kita terima beres, tetapi kenapa selalu berlaku mengenai Kementerian Pengangkutan ini. Seperti kita dengar semalam kebakaran pula berlaku kepada keretapi-ini sungguh menyedihkan. Jadi dalam masalah ini Kementerian berkenaan di dalam tambahan kewangan ini biarlah kalau sudah budget kita dapat tambahan untuk belanjawan kita, maka hendaknya biarlah dapat dengan teliti dalam satu-satu perkara yang hendak dilaksanakan itu.

Saya pergi kepada B. 38. Ini juga banyak menimbulkan reaksi dan keraguan kepada rakyat dengan banyaknya dikeluarkan permit-permit teksi dan lori tetapi masih ramai pula yang menjadi korban dan keciwa. Walaupun dijawab oleh Kementerian yang berkenaan berbagai-bagai cara jawapan, kerana ada tuduhan dikeluarkan bahawa pemberian permit teksi tidak mengikut perhitungan dan tidak mengikut kehendak yang benar-benar memerlukan. Umpamanya, di Pulau Pinang ada orang mendapat permit teksi di dalam sebuah rumah, permit teksi ini meskipun namanya berlainan tetapi adalah mengandungi dua beradik yang duduk di dalam sebuah rumah dan mereka juga ada mendapat permit lori. Saya tidak menentang pemberian ini, saya ucapkan terima kasih. Hanya apa yang kita mahu biarlah di dalam masalah ini jangan selalu rakyat yang betul-betul menggunakan dan memberi harapan menghadapi kekeciwaan. Saya berharap biarlah di dalam tambahan yang kita bincangkan ini dapatlah pihak Kementerian yang berkenaan menjalankan dengan teliti dan dengan lebih kemas lagi.

Akhirnya, mengenai B. 8 iaitu Jabatan Perdana Menteri. Setahu saya banyak sudah risalah-risalah dan buku kecil agama dan panduan diterbitkan oleh Jabatan Agama. Sebagai pihak yang bertanggungjawab ini, saya berterima kasih, tetapi apa yang saya harap

dengan tambahan perbelanjaan ini pihak Jabatan ini dapat mengeluarkan lagi sbaran-sbaran yang penting, siaran-siaran buku-buku kecil terutama kepada badan-badan dakwah dan di sekolah-sekolah, dan yang paling penting dihantar ke pendalaman kerana adalah sbaran-sbaran ini perlu dan penting, sedangkan saya sendiri juga pernah meyelidiki tidak cukup sbaran yang dikeluarkan sekarang. Jadi dengan tambahan belanjawan ini, saya harap kepada pihak Jabatan yang penting ini keluarlah sbaran-sbaran percuma itu dengan secukup-cukupnya, terutama kepada badan-badan dakwah yang perlu dan penting betul-betul.

Apa yang saya hendak tekankan lagi iaitu soalnya kalau hari ini kita keluar dengan tulisan Rumi, kalau dapat biarlah dengan tulisan Jawi sepenuhnya kerana ada juga pihak-pihak yang berkenaan itu lebih minat dengan tulisan Jawi.

Akhir sekali, saya sentuh kepada B. 60 iaitu Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Ini juga menjadi satu kerumitan sekali, saya rasa tentu pihak Ahli-ahli di Dewan ini juga orang ramai, orang awam selalu menghadapi masalah kesulitan telefon, selalu menghadapi kerosakan dan sebagainya. Kenapakah perkara ini boleh berlaku? Diharap dengan tambahan ini dapatlah betul-betul pihak yang berkenaan mengawasi supaya kepentingan bagi kita yang menghadapi kepentingan ini tidaklah selalu terganggu untuk contact melalui telefon. Yang paling penting ialah masalah pos juga dalam B. 60 ini di mana sekarang berlaku-tidaklah seperti masa dahulu. Kadang-kadang surat-surat yang penting dari Parlimen sendiri pun pihak yang berkenaan iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat ini pernah tidak dapat sedangkan alamatnya betul dan sebagainya. Ini juga harap dapat diambil perhatian.

Akhir sekali B. 47, Kementerian Penerangan iaitu gambar Ahli-ahli Dewan Parlimen seperti Ahli-ahli Dewan Negara. Saya ingin tahu Kementerian yang berkenaan ini apakah kekurangannya masih lagi disebar gambar Ahli Dewan Negara waktu mengangkat sumpah sedangkan Ahli Yang Berhormat ini sudah lama menjadi Ahli Dewan tetapi kenapakah apabila hendak menyiarkan berita disiarkan gambar itu juga?

Saya harap kepada pihak berkenaan ambillah gambar-gambar Ahli Dewan ini dengan lengkap, ahli-ahli yang lama dan yang baru dan sebarlah bila ada masa Dewan bersidang. Saya berterima kasih kerana tidak pernah terganggu tetapi banyak kawan-kawan bukanlah kerana kita ini mengharapkan pihak berkenaan supaya menyebarkan gambar-gambar itu sebagai hasrat hendak berbangga, tidak, tetapi ini adalah untuk masyarakat ramai tahu bahawa Ahli-ahli Dewan yang datang di Dewan ini bertugas dan menjalankan tugasnya. Sekian sahajalah, di dalam perbahasan Akta ini saya berikan sokongan. Sekian, terima kasih.

3.51 ptg.

Dr Choo Kooi Fook: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang ini, untuk membahas dan menyokong Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981). Dengan tidak membuang masa, saya terus menyentuh Maksud B. 24-Kementerian Wilayah Persekutuan yang diberi peruntukan tambahan sebanyak \$4,750,337.

Tuan Yang di-Pertua, adalah kemungkinan bahawa Wilayah Persekutuan tidak mempunyai peruntukan yang cukup memandangkan bahawa baru-baru ini pihak Penguatkuasa Dewan Bandaraya begitu gembira mengenakan denda-denda kepada peniaga-peniaga kecil ataupun mereka yang berniaga di kedai-kedai yang sepatutnya tidak dibenarkan. Meraka ini menerima saman demi saman, boleh kita katakan tiap-tiap dua tiga bulan sekali. Oleh demikian Dewan Bandaraya telah mengutip denda-denda jumlah dua kali ganda dalam tahun 1981 dibandingkan dengan tahun yang lepas, seperti disiarkan dalam suratkhbar.

Saya harap dengan peruntukan tambahan ini; Dewan Bandaraya akan mempunyai peruntukan yang cukup untuk menjalankan pengurusan tanpa perlunya bergantung kepada kutipan denda dari peniaga-peniaga kecil.

Saya menyentuh B. 17—Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang diperolehi dengan tambahan \$16,259,034. Saya harap perbekalan tambahan ini akan memberi faedah kepada mereka yang sungguh-sungguh memerlukan rumah dan

saya suka mencadangkan di sini bahawa Kementerian ini mengambil tindakan, mengambil balik rumah-rumah kos rendah yang disewakan. Saya harap Kementerian Perumahan mengambil balik dan menjualkan kepada mereka yang tidak berjaya pada mulanya dalam permohonan mereka untuk mendapat rumah kos rendah. Langkah ini dianggap perlu jika kita hendak mengatasi masalah perumahan di negara kita. Kalau tidak mereka yang ada terus akan memohon dan mereka yang sungguh-sungguh memerlukan rumah tidak dapat peluang mempunyainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya balik kepada B. 26. Tambahan bagi Kementerian ini adalah besar, \$48,379,500. Adalah diharap bahawa jentera melaksanakan program-program dikawal dengan lebih ketat supaya mengelakkan seboleh-bolehnya pembaziran. Saya harap kejadian menipu seperti yang disebutkan oleh sahabat saya dari Kelantan di mana sawah telah dibina rumah-rumah tetapi tuannya tanah masih menerima subsidi baja ataupun subsidi-subsidi lain yang diperuntukkan oleh Kementerian Pertanian. Agaknya pembaziran dari segi ini adalah merugikan Kerajaan dan saya harap tindakan-tindakan akan diambil supaya kejadian sedemikian dihapuskan. Segala subsidi yang diberi harus membawa faedah yang seimbang nilainya kepada petani-petani sendiri dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Maksud B. 38 iaitu Kementerian Perusahaan Awam, Butiran 4100—Pemberian Subsidi Harga Padi. Subsidi ini adalah besar, \$108,741,500. Ada kemungkinan bahawa subsidi yang besar ini diperuntukkan oleh kerana baru-baru ini yang kita tahu, subsidi padi telah bertambah dari \$2 sepikul dahulu kepada \$10 sepikul sekarang. Namun demikian kita masih lagi melihat sawah-sawah di tepi-tepi jalan di banyak tempat di Negeri Sembilan, dan juga di seluruh Semenanjung Malaysia Utara dibiarkan sahaja dan tidak diuruskan. Saya harap Menteri Perusahaan Awam akan mengkaji semula sama ada sepikul subsidi \$10 sepikul ini yang sedang diperuntukkan kepada petani-petani sebagai insentif untuk menanam padi kurang cukup, dan menambah jika perlu untuk menjadikan menanam padi

satu kegiatan yang ekonomik. Saya bercadang subsidi ini dinaikkan lagi jika didapati perlu selepas kajian supaya mereka sungguh-sungguh berminat menanam padi di kawasan-kawasan terbiar supaya negara kita pada satu hari nanti akan mempunyai padi yang cukup untuk kita sendiri. Dengan tambahan yang begitu banyak saya harap tanaman padi akan menjadi lebih lumayan dan ia akan mendorong petani-petani terus bergiat menguruskan sawah-sawah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya suka menyentuh Maksud B. 60 iaitu Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Adalah diharap bahawa Kementerian ini akan mempercepatkan perkhidmatan telefon kepada rakyat. Kini terdapat cara Telekom menentukan bil-bil bagi pelanggan adalah tidak memuaskan. Kadangkala bil telefon naik hingga dua atau tiga kali ganda dan apabila pelanggan-pelanggan membuat aduan, siasatan dijalankan hingga selama setahun pun belum disiapkan. Saya harap Menteri Tenaga, Telekom dan Pos akan menyiasat berlakunya penyelewengan antara operator-operator di Jabatan Telekom. Adalah diharap bahawa operator-operator akan lebih bertanggungjawab dan tidak menyalahgunakan keistimewaan posisi mereka untuk membuat panggilan jauh dengan sukarela.

Ada di antara operator-operator yang menerima bayaran dari pelanggan. Bayaran panggilan ini mungkin dimasukkan kepada bil pelanggan-pelanggan lain yang sebenarnya tidak membuat sesuatu panggilan itu. Pada suatu hari tahun dahulu saya telah mengiringi seorang kawan saya ke Pejabat Telekom untuk membuat panggilan ke Pulau Pinang. Kami dijumpai di pintu masuk dan tawaran pun dibuat untuk memudahkan apa yang kami hendak dengan ada orang dengan senang sahaja mengatakan ucapan: "Saya boleh buat panggilan untuk awak dengan senang dan lebih cepat. Kalau awak buat sendiri, awak kena menunggu lama." Jadi, kawan sayapun terima tawaran itu dan sungguh, dalam sekelip mata sahaja dapat panggilan itu ke Pulau Pinang. Apabila habis panggilan itu datanglah tawaran pembayaran dari orang yang menolong membuat panggilan itu. Bayaran tidak dibuat kepada

Pejabat Telekom. Jadi, saya ingin bertanya di sini kalau kejadian ini berlaku memanglah operator itu akan memasukkan bayaran panggilan itu kepada bil pelanggan-pelanggan lain yang sebenarnya tidak membuat panggilan sedemikian. Dengan adanya kita tidak hairan lagi kalau bil-bil telefon kita ataupun rakan-rakan saya ataupun lain-lain orang dinaikkan hingga tiga kali atau empat kali ganda. Apabila Jabatan Telekom diminta menyiasat perkara ini, memang didapati bahawa mesin itu tidak salah, dan segala yang telah mencatatkan dalam rekod-rekodnya semua betul. Oleh kerana ini Pejabat Telekom tidak dapat menentukan bagaimanakah bil-bil itu dinaikkan dua, tiga kali ganda. Dengan peruntukan tambahan ini saya harap sekiranya satu kajian dibuat atas perkara yang saya sebutkan tadi. Kawalan ketat harus diambil untuk mencegah rasuah ini berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 25 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.06 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.33 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

4.33 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan juga saya bangun dalam Dewan yang mulia ini untuk sama-sama menyokong peruntukan Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981) yang mana memperuntukan wang sebanyak \$1,802,952,785 yang mana telah pun diperuntukkan mengikut Maksud-maksud yang ada di muka 2 dan 3 dalam Kertas Perintah 25 tahun 1981.

Dalam soal Perbekalan ini, saya inginlah menegur serba sedikit iaitu menegur bukanlah untuk mengkritik tetapi teguran ini adalah teguran ikhlas untuk membangun supaya perbelanjaan-perbelanjaan kita iaitu

wang negara kita berjalan dengan baik dan diperuntukkan ataupun diperbelanjakan dengan maksud-maksud yang tertentu tanpa membazirkan wang negara. Duit ini adalah datangnya juga daripada penduduk-penduduk dalam negara ini hasil daripada cukai pendapatan mereka, cukai tanah dan cukai yang lain yang mana setiap penduduk dalam negara ini sama ada kecil ataupun besar mereka ini membayar cukai, sama ada kita rasai atau tidak kita sedia maklum apa sahaja yang kita beli sekarang ini semuanya kena cukai, telah pun dicukai. Oleh itu, dalam soal ini haruslah pihak Kerajaan sebagaimana ucapan saya yang lalu supaya pegawai-pegawai Kerajaan bersama-sama dengan Kerajaan membelanjakan wang negara kita dengan baik dan jangan minta tambahan-tambahan di masa yang akan datang.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh B. 17—Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang berjumlah tambahan yang diminta \$16,259,034, iaitu bagi peruntukan tambahan saya rasa banyak perkara-perkara Jabatan yang diperuntukkan dari jumlah \$16 juta ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal perumahan memang telah banyak diperbincang dan dipersoalkan sama ada dalam Dewan Negara ini dan juga Dewan Rakyat dan juga oleh ahli-ahli parti-parti politik, iaitu dengan tujuan mereka ini ialah untuk menghasilkan penduduk-penduduk dalam negara ini mendapat kedudukan yang istimewa, iaitu duduk sama rendah, berdiri sama tinggi. Kita tidak mahu lagi melihat ada orang-orang dalam negara ini mengakui atau merasai diri mereka rendah dengan kedudukan-kedudukan perumahan yang mereka alami buat masa ini, lebih-lebih lagi di Wilayah Persekutuan ini yang mana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum penduduk-penduduknya lebih kurang hampir-hampir 1 juta lebih di Kuala Lumpur ini dan daripada itu lebih kurang dekat-dekat 38% orang-orang Melayu adalah duduk di tanah-tanah tanpa izin ataupun di tanah-tanah haram dan lebih kurang 45% terdiri daripada bangsa Cina dan lebihnya itu semua bangsa yang mana ini kita dapati di dalam laporan-laporan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga Dewan Bandaraya.

Tentang soal perumahan ini kita harapkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil daya usaha dan dapat bersama-sama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan. Soal perumahan ini dapat diperbanyakkan ataupun didirikan lebih lagi di dalam Wilayah Persekutuan bagi menampung manusia yang berkehendakkan kedudukan rumah mereka.

Dalam soal perumahan ini, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan harus meneliti di atas pembangunan-pembangunan ataupun taman-taman perumahan yang sekarang ini berselerak di seluruh negara kita. Kita berharap supaya pemaju-pemaju perumahan janganlah mereka ini hanya untuk mementingkan syarikat-syarikat atau mementingkan diri sendiri sahaja tanpa memikirkan kesusahan ataupun kesulitan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua sedia maklum 2-3 tahun dahulu rumah-rumah kos rendah di Kuala Lumpur ini ataupun di luar-luar negeri ataupun luar daripada Kuala Lumpur ini boleh dapat \$13,000, \$14,000 tetapi sekarang sudah tak dapat lagi. Rumah kos rendah sekarang yang didirikan oleh pemaju-pemaju perumahan telah meningkat, dahulunya boleh dapat \$25,000 tetapi sekarang sudah \$60,000, \$80,000 dan ada yang \$90,000.

Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa golongan yang berpendapatan rendah memang susahlah mereka itu untuk mendapat rumah yang harganya begitu mahal. Oleh itu kita harap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya dapat berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya pihak pemaju perumahan yang akan datang supaya dapat mendirikan rumah kos rendah ini tidaklah melebihi daripada \$30,000. Kita tidak mahu rakyat yang sama-sama mendukung Kerajaan kita pada hari ini, yang sama-sama memberi undi kemenangan kepada kita dalam parti kita, supaya mereka jangan diabaikan. Oleh itu dari segi ini saya berharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya berhati-hati dalam pemberian ataupun kelulusan satu-satu projek perumahan itu supaya meneliti terlebih dahulu satu-satu bentuk rumah yang

akan didirikan dan diminta pemaju-pemaju perumahan itu supaya menetapkan harga yang berpatutan yang boleh diperolehi oleh rakyat yang miskin.

Dalam soal ini juga, kita mendapat banyak aduan daripada pihak swasta atau pemaju perumahan yang mana Kerajaan-kerajaan Negeri telah pun memperuntukan tiap-tiap satu projek perumahan itu mesti diperuntukan 30% kepada bumiputera. Ini rasa saya memang telah diamalkan dan diikuti oleh pemaju-pemaju perumahan. Tetapi sayangnya apa yang kita dapat tahu aduan mengenai 30% ini kadang-kadang diselewengkan oleh pemaju perumahan, umpamanya 30% itu pada mulanya memang dimasukkan dalam suratkhbar diiklankan mengatakan 30% dikhaskan untuk bumiputera.

Setelah itu dengan senyap-senyap, apa yang kita dapat tahu mereka itu untuk mendapat laba yang lebih, untung yang lebih mereka itu mengambil orang-orang luar ataupun pekerja-pekerjanya sendiri ataupun waris-waris pekerja itu dimasukkan nama untuk mendaftar yang memenuhi peruntukan 30% yang dikatakan untuk bumiputera itu. Tetapi apabila pemohon-pemohon bumiputera datang memohon, pemaju menyatakan untuk bumiputera telah habis.

Setelah itu apa yang kita dapat tahu 30% yang telah diperuntukkan kepada bumiputera itu dapat kepada kuli-kulinya sendiri, dimasukkan nama itu dalam peruntukan 30%, selepas itu dibuat satu cara lagi tukar nama memilih itu, pandai loyar, antara loyar dengan loyar membuat kerja tukar dengan senyap iaitu tanah dan rumah itu berbalik kepada bukan bumiputera. Perkara ini rasa saya Kementerian Perumahanlah dapat menyelidik perkara ini sama ada benar ataupun tidak tetapi apa yang saya dapat tahu perkara ini memang selalu terjadi.

Di samping itu ada pula pihak pemaju perumahan yang mengambil duit lebih awal, tanah belum tentu arah lagi, lesen perumahan untuk memajukan perumahan belum diperolehi lagi, layout plan dan sebagainya belum siap, mereka telah iklan dalam suratkhbar dan mereka telah mengutip duit daripada pembeli. Ini ada terjadi di satu

kawasan, saya lupa nama syarikat itu, ada orang menyatakan yang hampir tahun 1978 hingga hari ini mereka telah membayar lebih kurang \$240 sebulan kepada pemaju perumahan tetapi sehingga hari ini rumah itu belum siap lagi. Jadi orang-orang yang susah itu, rasa saya mereka telahpun membayar \$240 untuk ansuran rumah itu, di samping itu mereka terpaksa menyewa rumah lain untuk menunggu rumah yang belum siap itu. Oleh itu, dalam soal penipuan ini kemungkinan bukan ini satu kes sahaja di Kuala Lumpur, banyak yang terjadi kita harap juga pihak Kementerian mengambil tindakan dan menyelidik perkara ini jika benar supaya pemaju perumahan itu dibawa ke mahkamah ataupun diberi amaran supaya pemaju perumahan itu jangan membuat penipuan lagi di masa akan datang, jika boleh namanya dipotong dalam permohonan untuk hendak membuat projek di tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada Kementerian Perusahaan Utama iaitu B. 25 yang mana ada peruntukan \$70,256,074 iaitu peruntukan tambahan bagi 1980/1981. Peruntukan \$70 juta lebih ini banyak dan ingin saya juga menyentuh tentang lombong-lombong yang telah dikorek yang telah diambil hasil-mahsulnya yang telah pun menjadikan kaya-raya pelombong-pelombong itu tetapi apabila mereka telah habis kerja-kerja mereka dan mengambil hasilnya lombong itu ditinggal begitu sahaja, banyak yang mengorbankan nyawa dan untuk menutup balik atau menimbus balik lombong itu apa yang saya tahu satu lombong hendak ditimbus iaitu di Kampung Datuk Keramat lebih kurang belanjanya \$4 juta untuk menimbus sahaja. Begitu juga di Sentul hampir \$4.5 juta untuk menimbus lombong itu. Ini adalah tanggungjawab Kerajaan, saya rasa tak tahulah sama ada pihak Kerajaan telah pun memberi peruntukan atau syarat kepada pelombong-pelombong itu apabila mereka telah siap sedia mengambil hasil-hasil daripada tanah itu ataupun bijih-bijih itu lombong mesti ditimbus tetapi apa yang saya lihat banyak lombong tinggal begitu sahaja, taukeh cabut, dia pun sudah dapat banyak duit, yang tinggal pihak Kerajaan Negeri memikul beban. Umpamanya sekarang kita lihat kalau kita pergi ke Seremban mengikut

lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban di sebelah kanan, kawasan Sungai Besi dekat Kampung Udara ada sebuah lombong begitu dalam, pada mulanya tahun dahulu lombong itu kering tetapi sekarang sudah penuh air.

Semasa lombong itu kering dahulu kita nampak manusia di bawah itu hanya sebesar lengan sahaja, bandingkanlah jauhnya kalau manusia begitu besar seperti kita lihat ke bawah hanya sebesar lengan sahaja mereka berapa jauh dalamnya lombong itu? Oleh itu, lombong itu sekarang terbiar dan penuh dengan air. Kalau pihak Kerajaan hendak menimbus rasa saya tak tahu berapa juta ringgit. Siapa akan menanggung kerugian itu? Kalau tak cukup nanti pihak Kerajaan, Kementerian berkenaan akan meminta peruntukan tambahan dan sebagainya. Orang-orang yang bertanggungjawab telahpun meninggalkan beban-beban itu kepada kita.

Di samping itu juga lombong yang saya sebutkan tadi saya melihatkan keadaannya apakala kita lalu ke Seremban, kita pun merasai seram memandangkan lombong itu sekarang ini sudah di tepi jalan sangat, saya lihat di tepi Lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur itu pun pecah-pecah sudah retak-retak oleh kerana apabila kena hujan lombong itu pun telah pecah-pecah dan ini membahayakan lagi dan Kementerian Pengangkutan ataupun Kementerian Kerja-kerja rasa saya akan terlibat dalam soal ini nanti. Tetapi orang yang punya lombong sudah cabut lari, sudah tak ada lagi sudah lepas tangan yang menanggung kerugian ialah Kerajaan kita.

Di dalam soal lombong ini juga sungguhpun bukan di bawah Kementerian Perusahaan Utama tetapi saya sendiri menyeru juga nampaknya lombong itu merbahaya kepada orang ramai supaya Kerajaan ataupun pihak berkenaan supaya mengambil perhatian yang lebih lekas ataupun mengambil tindakan menjaga keselamatan kerana lombong itu tepi sangat. Kalau sekiranya kenderaan tersasul sedikit terus masuk dalam lombong itu mungkin kita tak dapat mencarinya lagi dalam lombong yang begitu dalam. Oleh

itu, saya harap pihak Kerajaan ataupun pihak berkenaan supaya memagar lebih lekas lombong yang saya sebutkan tadi.

Di dalam soal lain di bawah Kementerian Perusahaan Utama ini juga soal harga getah, yang mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah menyentuh iaitu kita harap Kementerian Perusahaan Utama ini ataupun pihak Kerajaan supaya cubalah sedaya upaya supaya getah itu dapat dinaikkan kerana kita tahu di kawasan luar bandar sekarang ini banyak pekebun kecil getah adalah terdiri daripada orang Melayu yang mereka itu mempunyai 2-3 ekar yang mana pendapatnya kalau mengikut harga getah sekarang mereka itu tidak boleh hidup, tidak mampu untuk menanggung keluarga mereka yang banyak, sedangkan harga susu satu tin sekarang \$1.10 sen, harga getah satu kati hendak bandingkan dengan susu pun tak dapat sekarang. Oleh itu kita berharaplah kepada Kementerian Perusahaan Utama supaya dapat mencari jalan dan cubalah berpakat-pakat dengan Negara-negara jiran kita yang lain ataupun negara dalam dunia ini supaya dapat membeli getah kita dan dapat kita menaikkan harganya bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang kampung yang berpendapatan kecil yang hidupnya bergantung kepada hasil getah ini.

Sekarang saya pergi kepada Kementerian Penerangan iaitu Maksud B. 47 yang mana peruntukan tambahan lebih kurang \$3,561,000 diminta. Di sini saya berharap Kementerian Penerangan ini melalui radio dan TV supaya dapat memperbaiki lagi program-program ataupun rancangan-rancangan radio dan TV dan begitu juga tentang iklan-iklan yang disiarkan sekarang ini ada kalanya iklan-iklan yang ada dalam TV itu rasa saya keterlaluan sangat untuk kita di Malaysia ini, kadangkala iklan-iklan itu menunjukkan babak-babak cium ataupun babak-babak percintaan dengan sabun wanginya, dengan jamnya dan bermacam-macam lagi. Oleh kerana dalam negara kita ini Agama Islam sebagai Agama Rasmi dan kebudayaan kita ialah kebudayaan kita sendiri bukan mengikut kebudayaan barat, kita berharap supaya Kementerian ini dapat menapis iklan-iklan atau filem-filem yang akan ditayangkan di TV itu supaya dapat

dilakkan sedikit ataupun dikurangkan sedikit babak-babak yang tidak menyenangkan ini.

Begitu juga di radio pendidikan, radio pendidikan yang disiarkan ke sekolah-sekolah ini kita berharap supaya dilebihkan lagi soal pelajaran Agama Islam. Ini amat penting rasa saya dan kita sekarang boleh melihat keadaan anak-anak muda kita lebih-lebih lagi orang-orang Melayu ataupun orang-orang Islam sekarang ini nampaknya ada bermacam-macam agama, kalau tidak dibetulkan atau kita ajarkan anak-anak kita daripada awal lagi kerana kata pepatah Melayu: Kalau hendak melentur buluh biarlah masa rebung. Oleh itu untuk anak-anak kita dan generasi yang akan datang, saya harap Kementerian ini hendaklah memainkan peranan yang penting yang dapat menyalurkan dan dapat menghantar ke rumah-rumah perkhabaran, gambar dan seterusnya. Rasa saya ini adalah Kementerian yang penting sekali untuk rakyat supaya Kementerian ini dapat menyediakan program-program yang baik di radio pendidikan ataupun radio dan TV yang kita tonton pada hari-hari. Soal agama ini haruslah dititikberatkan dan tadi pun kita telah lihat dalam suratkhbar mengatakan ada satu kumpulan kalau tidak silap saya di Kedah di mana ada satu ilmu iaitu orang yang hendak menuntut mestilah lelaki dan perempuan itu berbogel bersama-sama, berita ini ada disiarkan dalam suratkhbar pagi tadi mengenai ilmu baru ini yang mana ilmu baru ini penuntutnya orang Islam, kalau hendak menuntut ilmu mestilah berbogel.

Perkara ini sudah berjalan 2-3 bulan, kalau tidak silap saya di Kedah dan perkara ini harus rasa saya diawasi. Satu lagi masalah timbul semalam ataupun hari ini di dalam suratkhbar ada menyiarkan gadis-gadis kilang kita begitu senang menjualkan maruah mereka untuk mendapatkan kewangan yang mana mengikut dalam suratkhbar gadis-gadis kilang ini telah pun membenarkan tubuh mereka untuk diambil gambar, selepas itu gambar itu dijual kepada orang-orang yang berkehendakkan ataupun orang-orang yang berminat untuk gambar-gambar yang saya sebutkan tadi, ini rasa saya ada juga unsur-unsur itu datang daripada keagamaan juga. Ini kita haruslah awasi sama-sama supaya

negara kita ini tidak diracuni oleh anasir-anasir ataupun kebudayaan-kebudayaan yang datang daripada luar negeri.

Mengenai Kementerian Penerangan ini saya juga ingin menyentuh tentang pembayaran kepada orang-orang yang berlakun sama ada drama ataupun nyanyi dan sebagainya. Banyak sungutan-sungutan ataupun aduan-aduan yang kita terima sama ada kita dengar sendiri dan juga dalam suratkhbar ada mengatakan ada sehingga hari ini orang itu sudah meninggal dunia tetapi sehinggakan ke hari ini pun belum dapat bayaran daripada Kementerian Penerangan. Oleh itu, kita berharaplah supaya apa yang telah ditugas atau mereka yang telah pun memberikan tenaga mereka, Kementerian haruslah membuat pembayaran dengan seberapa segera yang boleh jangan tunggu-tunggu, sampai mereka mati pun duit belum dapat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam yang mana kita lihat banyak peruntukan-peruntukan yang diminta. Kadangkala peruntukan-peruntukan wang yang tidak cukup itu adalah kerana perbelanjaan yang membazir, yang tidak tentu, yang tidak dibuat peruntukan lebih awal, hanya mengikut cara-cara yang kita pandangan pada masa itu, sekejap itu sahaja kita keluarkan tanpa kita berbuat satu-satu penentuan sama ada yang kita buat itu untung ataupun rugi. Adakah yang kita buat itu mendapatkan faedah ataupun sebaliknya, umpamanya jalanraya ke Seremban kita lihat pagar-pegar yang telah dibuat di antara pertengahan jalan pagar-pegar dawai, saya lihat sehingga ke hari ini telah berkali-kali pagar itu roboh, yang untung siapa, Tuan Yang di-Pertua? Orang-orang yang membuat pagar itu. Yang rugi siapa? Kita. Oleh itu, saya berharap supaya satu-satu perkara yang hendak dibuat di masa yang akan datang itu hendaklah dibuat penyelidikan terlebih dahulu, sama ada untung ataupun rugi.

Saya rasa pagar yang telah dibuat itu tidak ada faedahnya kepada kita, orang hendak lalu pun susah ataupun kalau sekiranya sekarang ini kita lalu tengah malam ada

perlanggaran berlaku di sebelah jalan sini dan kita lalu di sebelah sana dengan keadaan senyap-sunyi kita tidak nampak pelanggaran itu dan sebagainya dan tidak ada siapa yang tahu, kalau orang sebelah itu tidak lalu, tidak pandang di sebelah memang tidak nampak. Oleh itu, banyak rasa saya tidak elokny daripada elok, selain daripada pagar-pegar yang koyak yang saya kata tadi sehingga ke hari ini menjolok mata. Kalau kita lihat pagar-pegar itu condong sebelah sini, condong sebelah sana sehinggakan beberapa bulan tidak dibetulkan, kita hendakkan cantik tetapi lagi menjadikan hodoh. Siapa yang bayar? Kerajaan yang bayar dan selepas itu dalam Dewan yang mulia ini minta tambahan, tambahan ini, tambahan itu yang menderita rakyat juga.

Selain daripada itu, saya hendak menyentuh mengenai Kementerian Pertanian iaitu B. 26. Tadi Yang Berhormat Menteri Pertanian telahpun menjawab tentang soal-soal tanah atau sawah-sawah yang terbiar di seluruh negara kita ini. Ini yang saya lihat kerana saya selalu dari sini pergi ke Tampin, ke Johor kita lihat sawah-sawah yang terbiar begitu sahaja iaitu di Rembau, di Kuala Sawah dan seterusnya. Banyak lagi sawah-sawah yang terbiar kerana tidak ada air. Adakah Kementerian Pertanian pada hari ini melihat begitu sahaja; tidak ada cara-cara untuk menyelesaikan masalah ini.

Saya rasa salah satu sebabnya, zaman datuk moyang kita dahulu tentang air sawah ini rasa saya susah kita hendak katakan sawah-sawah yang kering kerana setiap masa ada air, tetapi sekarang ini oleh kerana kemajuan negara kita di mana hakisan air, tempat-tempat air bertakung, tempat-tempat yang mengeluarkan air ataupun anak-anak sungai sekarang ini tertimbus dan mata air telahpun tertutup. Ini adalah disebabkan oleh kerana pesatnya pembangunan-pembangunan kita pada hari ini. Oleh itu, rasa saya dalam masalah ini pihak Kerajaan juga harus menjaga bagi jangka panjang, jangan kita pandangan pada hari ini juga untuk kita hendak berikan rumah dan seterusnya tetapi sebaliknya merosakkan ataupun menyusahkan orang-orang awam iaitu tanah-tanah sawah oleh kerana pembangunan daripada hujung ataupun bukit

untuk menurunkan air daripada bukit ke sawah sudah kering, oleh itu sawah-sawah telah kering dan pihak Kerajaan hendak mencari air pun sudah susah sekarang.

Saya harap supaya pihak Kerajaan khasnya Kementerian Pertanian, kita tidak mahu banyak sangat kaum-kaum muda kita dan belia-belie kita berhijrah ke bandar sedangkan di bandar juga hendak mencari pekerjaan pun susah, di segi perumahan pun susah dan segala-gala segi pun susah. Oleh itu, kita harap pihak Kementerian Pertanian supaya dapat mencari sesuatu jalan bagi mengatasi masalah-masalah ini supaya pemuda-pemuda dan belia-belie kita tekun duduk di kampung-kampung untuk mengerjakan sawah-sawah yang terbiar ini.

Kita melihat di luar negeri umpamanya di Korea, tanah-tanah sawahnya terbentang luas, tidak terisi pun tanah-tanah sawah terbiar dan penduduk-penduduk ataupun belia-belie mereka tidak pergi ke pekan. Di mana ada tanah, mereka usahakan tanah-tanah sawah itu sehinggakan mereka yang duduk di Korea yang saya lihat, semuanya daripada sawah juga tentang kedudukan rumah dan sebagainya, sihat, ada kereta, rumah dan kalau jauh daripada pekan mereka pakai generator dan lengkap segala-galanya iaitu hasil daripada tanaman padi mereka. Apa salahnya kita juga di sini meniru cara-cara orang-orang Korea ataupun di Taiwan menanam padi di sawah-sawah mereka, gunakan mesin-mesin yang moden, gunakan cara-cara yang boleh menampung air ke sawah-sawah dan gunakan segala-galanya. Rasa saya kalau kita sudah buatkan betul-betul, lama kelamaan pemuda-pemuda ataupun belia-belie kita yang hendak datang ke Kuala Lumpur ataupun ke bandar, mereka akan berfikir dua kali: Kalau duduk di bandar bagaimana pendapatan aku, kalau aku bersawah bagaimana. Oleh kerana perbezaan tidak ada, dalam kampung kita sekarang api elektrik telah ada, jalan pun ada, rasa saya tidak ada masalah lagi. Tetapi masalah yang timbul sekarang ialah tidak ada pekerjaan di kampung. Ini yang membuatkan mereka lari. Kalau betul-betul sawah-sawah yang terbiar ataupun tanah-tanah yang kosong ditanam dengan tanam-tanaman, rasa saya orang-orang ini tidak lari.

Di samping itu juga pihak Kerajaan juga harus setelah mereka itu menanam sayur-sayuran di tanah-tanah yang kosong, pihak Kerajaan juga harus memperhatikan tentang pasaran jualan-jualan mereka ini. Kerana di samping itu ada juga belia-belie kita yang rajin umpamanya menanam sayur-sayuran di kampung tetapi malangnya bila hendak jual untuk dipasarkan tidak ada orang yang hendak beli. Kadangkala ada orang-orang tengah hendak beli, dia beli dengan murah, umpamanya jagung kalau kita beli di Kuala Lumpur harganya 60 sen 70 sen satu tongkol, tetapi bila dibeli di kampung hanya 10 sen satu tongkol, berapa untung mereka ini ataupun orang-orang tengah yang mengambil hal ini. Oleh itu pihak Kerajaan juga rasa saya harus bersama-sama bila ada tanam-tanaman itu memasarkan supaya jangan hanya pihak yang tertentu sahaja mendapat keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak ada lagi yang saya hendak sentuh dan kemungkinan ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain hendak menokok tambah dan oleh kerana banyak lagi yang menanti hendak berucap, dengan ini saya mengakhiri ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua, apa-apa teguran yang saya buat itu ialah teguran ikhlas supaya negara kita, supaya pemimpin kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir yang begitu bersusah payah untuk negara kita ini sehinggakan beliau di dalam suratkhbar mengatakan dia bekerja daripada pagi sampai petang, oleh itu kita berharap juga pihak pegawai-pegawai Kerajaan bersama-sama mengikut jejaknya agar negara kita ini maju dan berada dalam keadaan aman dan damai.

Dengan ini saya sama-sama menyokong di atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981). Sekian, terima kasih.

5.08 ptg.

Dato' Ismail bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan untuk memberikan pandangan di dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981).

Dalam masalah wang tambahan kita sentiasa menyokong dengan sepenuhnya demi kepentingan rakyat jelata khususnya

dan juga pembangunan dari segi penyelenggaraan dalam masalah perkhidmatan Kerajaan untuk kepengtingan rakyat jelata di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang menyentuh Jadual Pertama, seksyen 2, B. 21 iaitu Jabatan Pertahanan Awam yang diperuntukkan sebanyak \$47,839 adalah dikehendaki bagi menampung kekurangan peruntukan untuk Emolumen dalam tahun 1980. Peruntukan ini ialah disebabkan kekurangan bagi pembayaran tunggakan kepada seramai 14 orang Penolong Jurulatih kerana keputusan Tribunal Perkhidmatan Awam menaikkan tanggagaji mereka dari Kod C16 kepada Kod C11.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita pastikan hanya 14 orang Penolong Jurulatih kerana keputusan Tribunal Perkhidmatan Awam ini yang telah memakan belanja sebanyak \$47,839 khusus kepada 14 orang. Saya hendakkan bagaimanakah pembayaran ini dibuat oleh pihak yang berkenaan supaya dapat kita memastikan tidak ada pembaziran di dalam masalah yang tertentu bagi seramai 14 orang Penolong Jurulatih ini.

Sekarang saya menyentuh Maksud B. 30 Kementerian Luar Negeri yang meminta tambahan sebanyak \$2,825,191.

Yang pertama ialah untuk pembelian perabot, kelengkapan dan kenderaan bagi Kementerian Luar Negeri di Wisma Putra Kuala Lumpur dan juga Pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia di luar negeri yang berjumlah \$1,350,668.

Dalam masalah pembelian perabot ini, janganlah kita membazir terlampau sangat dari segi wang rakyat kerana berkehendakkan perabot-perabot yang begitu mahal yang mana tidak dipergunakan sepanjang masa. Apa salahnya kita gunakan perabot-perabot yang ala kadar yang sempurna dan juga tidak menjejaskan dari segi pentadbiran Kerajaan ataupun dari segi kewangan bagi pihak negara kita yang kita sama-sama tahu untuk mendapatkan wang beberapa banyak dengan pinjaman-pinjaman luar negeri dan juga dalam negeri.

Dalam masalah pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia di luar negeri, ini juga

berkehendakkan kepastian yang tertentu supaya jangan perabot-perabotnya tidak dibeli, perabot yang lain diisikan yang membazirkan wang Kerajaan. Kita tidak berkehendakkan segala perbelanjaan ini disimpulkan dengan begitu rupa kemudian didedahkan oleh Ketua Odit Negara bahawa banyak wang yang tidak dapat ditentu halakan, kemanakah perbelanjaannya dengan tidak ada resit-resit yang tertentu, kemudian apabila ditanyakan dalam masalah ini memakan masa yang lama untuk memastikan oleh pegawai-pegawai Odit atau Juru Odit Negara untuk memastikan wang-wang yang telah dibelanjakan itu.

Dalam masalah peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun yang berjumlah \$1,800 juta, ini dikehendaki membiayai projek-projek pembangunan Kerajaan. Rasa saya ini terlampau besar sangat wang yang hendak ditambah tetapi sejauh manakah wang-wang itu telah dibelanjakan. Bagaimana yang kita pastikan bahawa banyak projek-projek pembangunan Kerajaan tergendala dari satu masa ke satu masa dan telah disuarakan oleh pihak-pihak yang tertentu, maka segala projek pembangunan itu tinggal begitu sahaja dan kita pastikan penyelewengan berlaku dari satu masa ke satu masa hatta daripada oditan-oditan yang telah diodit memakan masa yang begitu lama sekali untuk memastikan kewangan-kewangan untuk membiayai projek-projek pembangunan Kerajaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya masuk dalam masalah Maksud B. 42 tambahan sebanyak \$79,755 iaitu dikehendaki membiayai perbelanjaan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan. Berikutan dengan pemindahan Ibu Pejabat Jabatan ini ke bangunan baru dan penubuhan beberapa pejabat-pejabat Jabatan Daerah. Ini juga kita pastikan dengan wang sebanyak \$75,000 untuk dibelanjakan di dalam masalah pemindahan ibu pejabat Jabatan ini dan juga pembukaan beberapa pejabat Jabatan Daerah yang baru, saya percaya peruntukan wang ini memang boleh diluluskan tetapi biarlah dengan perbelanjaan yang tidak membazir yang khususnya bagi jadual pertama ini kita minta diluluskan sebanyak \$1,800 juta.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya masuk dalam Jadual kedua Seksyen 3 iaitu Jabatan Perdana Menteri sebanyak \$12 juta. Ini dimaksudkan yang pertama sebanyak \$11 juta dikehendaki untuk menampung berbagai-bagai perbelanjaan mengurus di beberapa bahagian di bawah Jabatan Perdana Menteri dan \$2 juta untuk merupakan peruntukan Pusat Penyelarasan Khidmat Kontraktor Bumiputera Pusaka Bumi, dan \$1,049,000 untuk Urusetia Rancangan Jawatankuasa Kerja Lembah Kelang yang baru ditubuhkan ini. Dan \$1,537,000 ialah Unit Penyelarasan Pelaksanaan bagi pemberian subsidi kepada PERNAS Edar Sdn Bhd dan sebanyak \$822,915 diperuntukan kepada Jabatan Rukuntetangga dan Perpaduan Negara untuk pemberian subsidi.

Saya suka menyentuh dalam masalah peruntukan Rukuntetangga dan Perpaduan Negara ini supaya Rukun Tetangga ini berjalan dengan lancar dan dapatkan pondok-pondok yang sempurna dan juga alat-alat yang boleh digunakan dari satu masa ke satu masa dan juga dari segi Perpaduan Negara ini supaya diberikan peruntukan-peruntukan yang lebih sedikit kepada negeri-negeri yang telah menjalankan usaha-usaha mereka dari segi perpaduan negara dari perhubungan masyarakat di satu-satu tempat. Ini membolehkan mereka untuk merancang beberapa projek yang tertentu supaya dapat kita memastikan perhubungan masyarakat dari segi perpaduan negara ini dapat berjalan dengan baik dan memberi kesan kepada rakyat jelata khususnya dan juga kepada anak-anak kita yang dirancang dengan sebegitu rupa supaya mereka ini dapat meninggalkan kesan dari segi perpaduan negara melalui perhubungan masyarakat yang diwujudkan di tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia ini ataupun di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya menyentuh di dalam maksud B. 17 iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang berkehendakkan \$16,259,034 yang dimaksudkan ialah sebagai pemberian tahunan kepada Penguasa-penguasa Tempatan di Semenanjung Malaysia bagi tahun 1981. Kita sedar bahawa di dalam masalah penyelarasan Akta Kerajaan

Tempatan yang telah diwujudkan sejak beberapa tahun yang lalu dan kita mempunyai Kementerian yang khusus iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bila mana Akta Kerajaan Tempatan ini diselaraskan di seluruh negara kita maka rakyat mengharapkan supaya dapat dipertingkatkan lagi dari segi pembangunan dan perancangan dan juga perkara-perkara yang tertentu dari segi rakyat dapat memastikan bahawa kemudahan-kemudahan yang telah diberikan oleh Kerajaan bila mana Akta Kerajaan Tempatan ini diselaraskan di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak diikuti bahawa keseluruhan sama ada Majlis Perbandaran ataupun Majlis Daerah Luar Bandar ini tidak dapat berdiri atau berdiri di atas kakinya sendiri oleh sebab punca-punca hasilnya adalah terhad dan mereka ini terpaksa membelanjakan dari segi perbelanjaan pengurusan dan pembangunan yang mana kita kaji kalau kita pastikan bahawa punca hasil tidaklah sebegitu sebagaimana yang hendak dibelanjakan dari punca-punca yang tertentu dari segi Majlis Perbandaran ataupun Majlis-majlis Daerah Luar Bandar yang telah diwujudkan dengan penyelarasan Akta Kerajaan Tempatan itu.

Kalau mengharapkan dari segi bantuan Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri dipastikan kebanyakan belanjawannya deficit, kekurangan wang khususnya di negeri-negeri yang tidak mempunyai sumber-sumber yang mendatangkan hasil yang sebegitu lumayan daripada negeri-negeri yang ada di dalam Semenanjung Malaysia ini ataupun di Sabah dan Sarawak. Kita berharap supaya Kerajaan memastikan bila mana kita merancang ataupun menyelaraskan satu akta adalah berkewajipan bagi Kerajaan untuk memastikan penyelarasan itu dapat berjalan dengan baik, dan rakyat akan memberikan pandangan yang tinggi kepada Kerajaan kita sebagaimana kita memastikan bahawa Kerajaan kita adalah Kerajaan yang berjiwa rakyat. Kita tidak berkehendakkan segala sumbangan-sumbangan yang terhad itu yang diberikan seperti kata pepatah melepaskan batuk di tangga sahaja dengan tidak mencukupi maka terkapai-kapailah bagi pihak Majlis-majlis Perbandaran ataupun

Majlis-majlis Daerah Luar Bandar ini untuk melaksanakan tugas-tugas mereka sama ada dari segi pengurusan ataupun pembangunan di dalam satu-satu kawasan yang telah menerima penyelarasan Akta Kerajaan Tempatan 1976 itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini, kita pastikan khususnya di Kuala Lumpur ataupun di dalam Wilayah ini tanah-tanah bekas lombong sama ada kita berjalan menghala ke utara kita dapat pastikan bangunan-bangunan yang tersergam binaan yang berharga tinggi yang tidak ada kemampuan bagi pihak rakyat yang berpendapatan rendah untuk membeli rumah-rumah yang di atas lombong-lombong itu. Saya memastikan menimbulkan satu kesan yang buruk juga oleh sebab kita tidak tahu sejauh manakah pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini ataupun pegawai-pegawainya memeriksa soil test bagi memastikan tanah-tanah lombong ini boleh kita bangun projek perumahan dan dapat membangun binaan sebagaimana di tanah-tanah yang lain.

Maklumlah, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah lombong ini sudah digali untuk mendapatkan hasil kemudian ditutup balik; di atas tanah lombong ini banyak tanah-tanah ataupun bangunan-bangunan yang telah retak. Baru-baru ini kita pastikan ada satu kompeni di dalam Wilayah Persekutuan ini telah atau akan bayar ganti ataupun mengagihkan permohonan-permohonan yang sudah berjaya untuk mendapatkan rumah untuk digantikan tempat lain, oleh sebab rumah itu sudah tenggelam daripada penekanan tanah. Jadi ini mustahak Tuan Yang di-Pertua, supaya Kementerian ini mengambil berat di dalam soil test ini supaya memastikan rumah-rumah yang dibina, khususnya di atas tanah-tanah lombong yang tidak menjadi lombong lagi supaya bangunan-bangunan itu tidak menjelaskan dari segi harganya dan juga dari segi orang-orang yang membeli rumah-rumah yang berkenaan itu.

Rumah-rumah ini saya percaya bukan dapat \$20,000-\$30,000 boleh jadi sampai \$100,000. Saya memohon agar Kementerian

Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini berunding dengan Kerajaan Negeri supaya membolehkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini mengambil peranan untuk membangunkan rumah-rumah yang berharga kos rendah ini supaya membolehkan orang-orang yang berpendapatan rendah dapat membeli rumah-rumah yang berkenaan, khususnya di atas tanah lombong yang kita pastikan ialah kepunyaan Negeri iaitu State land boleh dirundingkan supaya diberi kepada pengusaha-pengusaha swasta ini. Kenapa tidak kita buat begitu? Walhal rakyat memerlukan rumah yang kita pastikan di Kuala Lumpur, Ibu Negara kita ini banyak setingan di mana-mana sahaja ada sebagai cendawan. Kenapa kita tidak berusaha sama ataupun memastikan tanah-tanah bekas lombong ini dapat diusahakan ataupun diperundingkan dengan Kerajaan Negeri supaya dapat dibangunkan rumah-rumah harga kos rendah ini supaya membolehkan orang-orang yang berpendapatan rendah mempunyai rumah dari satu masa ke satu masa. Kalauah berlarutan dalam masalah perumahan diberikan kepada swasta oleh Kerajaan Negeri walaupun Kerajaan Negeri berhak atas tanah tetapi Kerajaan kita bertanggungjawab, Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab, dalam masalah rakyat jelata, khususnya di dalam negara kita ini.

Saya fikir perkara-perkara ini dapat diperundingkan dengan Kerajaan Negeri ataupun ditekankan dan dimestikan Kerajaan-kerajaan Negeri mengambil perhatian yang berat dalam masalah membangunkan rumah-rumah seperti bekas-bekas lombong ini yang tidak digunakan lagi supaya membolehkan Kerajaan Negeri itu sendiri merancang ataupun membangunkan rumah-rumah untuk kepentingan rakyat jelata yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang menyentuh dalam B. 24, iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan yang berkehendakkan \$4 juta untuk projek-projek pengindahan di dalam Ibu Negara kita ini. Jadi sejauh mana pengindahan yang telah dibuat kita pun kurang pasti, kita tengok ada setengah-setengah tempat tidak sebegitu indah sebagaimana yang kita pastikan di negara luar. Mereka itu ada membuat satu pusat

yang tertentu untuk menanam pokok-pokok yang baru untuk ditanamkan, tempat-tempat yang telah diperuntukkan bagi mencantikkan ataupun mengindahkan kawasan-kawasan tertentu di dalam bandar mereka. Saya tidak pasti sama ada Wilayah Persekutuan ini ada mempunyai pusat penanaman ataupun pusat-pusat penyemaian pokok supaya bila mana kita sudah merancang dengan sebegitu rupa kita hendak mengindahkan pemandangan dari segi pembangunan yang kita hendak mengindahkan itu.

Saya suka menyarankan supaya dapat kita pastikan tempat-tempat yang kita hendak memperindahkan itu dapat kita sesuaikan dari segi tanaman-tanaman yang tertentu supaya dapat mencantikkan lagi keindahan alam sekitar, khususnya di dalam Wilayah Persekutuan ini yang mana kita pastikan banyak sekali dengan bangunan pencakar langit yang berkurangan dengan pokok-pokok redup supaya mencantikkan dari segi kedudukan pengindahan dalam kawasan Wilayah kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya pergi B. 25 iaitu Kementerian Perusahaan Utama yang berkehendakkan \$70 juta lebih; \$67 juta dimaksudkan kepada Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia bagi urusan perdagangan dan jualan pasaran, \$2 juta untuk pemberian tahunan kepada Lembaga Tembakau Negara bagi membiayai perbelanjaan mengurus lembaga tersebut dan \$630,000 untuk membiayai perbelanjaan mengurus Jabatan Urusetia Majlis Perdagangan Komoditi.

Apa yang kita hendak pastikan sekarang ialah masalah harga getah yang menurun daripada masa-masa yang lalu dan sampai sekarang ini yang mengakibatkan bagi penoreh getah tidak dapat sebagaimana dikatakan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang pun tidak dapat dengan sebab harga getah ini turun. Jadi, kita ada badan yang dinamakan INRO (International Rubber Organisation) supaya memastikan jangan ada penekanan daripada orang tengah yang melibatkan harga getah ini merosot.

Sepatutnya dengan adanya INRO ini harga getah ini dapat dijamin supaya pekebun-pekebun kecil sedikit mewah kehidupannya bahkan kita tengok dengan keadaan harga getah yang begitu merosot, bahkan kais pagi

makan pagi, kais petang makan petang pun tidak dapat hendak dicapai. Jadi, saya percaya dengan adanya peruntukan sebegitu rupa dapatlah kita memastikan kepentingan rakyat khususnya daripada pekebun-pekebun kecil yang berkehendakkan bantuan walaupun bantuan kita peruntukkan dari segi pembangunan, subsidi itu, subsidi ini tetapi dengan hasil daripada getah itu menurun sebegitu rupa tidak membolehkan mereka untuk berdikari ataupun lumayan segi kehidupan mereka sehari-hari.

Sekarang saya menyentuh B. 60 iaitu Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini sepatutnya sebagaimana dikatakan Kementerian Tenaga bertenaga tetapi tidak bertenaga sebagaimana yang dianggapkan perkataan tenaga. Saya berharap perkara-perkara ini janganlah kita mengambil sambil lewa sahaja dan terpaksa pegawai-pegawai kita pergi sampai ke tingkat bawah untuk memastikan jentera Kerajaan khususnya di Kementerian ini berjalan dengan penuh tenaga, bukan separuh tenaga ada, separuh tenaga tidak ada. Bahkan kadang-kadang kita pastikan daripada Melaka ke Kuala Lumpur surat sampai 7 hari. Ini telah berlaku, Tuan Yang di-Pertua.

Satu ketika saya telah diminta oleh orang kampung saya untuk menanyakan masalah surat beliau kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja yang mana dia ini sudah cukup umur dan berkehendakkan wang itu dikeluarkan, memakan masa sampai lima hari. Bila saya bertanya kepada pegawai yang berkenaan diposkan pada 20hb, 26hb baharu dia terima jarak masa lebih dari tiga jam kalau kita berjalan dengan motokar ke Petaling Jaya tetapi makan masa sampai 5, 6 hari daripada Melaka ke Kuala Lumpur. Boleh dikatakan 160 km. iaitu 100 batu lebih kurang daripada Melaka ke Petaling Jaya. Di manakah kecekapan jentera Kerajaan kita ini? Inilah perkara-perkara yang selalu dipersoalkan dari segi orang-orang yang berkehendakkan sesuatu untuk membolehkan mereka mendapatkan sesuatu yang mereka telah simpan di dalam Kumpulanwang Simpana Pekerja dengan memakan masa yang lewat sekali dari segi perjalanan surat menyurat ini.

Kemudian dalam masalah telefon inipun begitu juga—memasang telefon. Saya pun tidak tahu pesawatnya begitu banyak telah diperuntukkan dari segi pembangunan Telekom, semua Kementerian boleh dikatakan banyak peruntukan-peruntukan yang telah diberikan untuk kepentingan rakyat jelata tetapi kita pastikan memakan masa yang panjang untuk mendapat satu pesawat dipasang ke sesebuah rumah, memakan masa sampai 6 bulan, kadang-kadang sampai setahun baharu dapat, apakah sebab-sebab perkara sedemikian berlaku. Inilah saya perkatakan bahawa masalah tambahan peruntukan ini memang kita boleh luluskan seberapa banyak yang dikehendaki oleh Kerajaan kita untuk membangunkan negara kita, untuk pembangunan rakyat di negara kita ini untuk memastikan rakyat jelata kita hidup dengan sempurna dan selesa agar mereka bermegah kepada Kerajaan yang berjiwa rakyat.

Kita berharap segala laporan daripada Ketua Odit Negara ini tidak akan berluaslusa sebagaimana yang telah diterangkan atau dibentangkan di dalam masalah penyelewengan yang sedang berlaku beberapa minggu yang lalu. Kita berharap kepada pegawai-pegawai Kerajaan kita khususnya kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang tinggi Kumpulan A supaya dapat memastikan pergi ke bawah, sebab kalau mereka ini tidak pergi ke bawah sebagaimana yang saya katakan mengharap orang yang di bawah, orang yang di bawah mengatakan, orang yang nombor satu pun tidak bekerja mengapa kita mesti bekerja, jadi begitulah kesudahannya. Inilah apa yang berlaku, apa yang telah dilalui oleh kita sejak kita mencapai kemerdekaan negara kita ini. Bukanlah semua kakitangan Kerajaan atau pegawai-pegawai Kerajaan ini tidak menjalankan kerja mereka dengan baik tetapi setengah-setengah daripada mereka itu di samping berenang minum air, buat usaha-usaha yang lain.

Kita bersyukur kepada Allah s.w.t. dengan era baharu ini, dengan pemerintahan 2M ini dapat Kerajaan kita hendak memastikan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan kita tidak disalahgunakan tempat mereka yang telah

dipertanggungjawabkan supaya mereka ini bekerja dengan bersungguh-sungguh, bekerja dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi agar pelaksanaan Kerajaan kita ini akan dapat dipastikan oleh rakyat jelata yang harapkan segala-segalanya daripada Kerajaan walaupun mereka ini disuruh berdikari tetapi ada masanya juga minta pertolongan daripada Kerajaan. Maka sudah sewajarnya bagi pihak kakitangan Kerajaan kita yang berpangkat tinggi ini pergi menyeluruh sampai ke bawah memastikan segala projek-projek pengurusan, segala projek-projek pembangunan ini dapat diselaraskan, dapat dijalankan supaya kita tidak bertanggung-tanggung ataupun kita membuat satu perkara yang tidak bertanggungjawab sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan kita, sebagaimana dikehendaki oleh rakyat kita supaya satu Kerajaan yang baik, Kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan yang mengatakan berkhidmat untuk negara.

Saya percaya khidmat untuk negara baik kita tukarkan, saya syorkan supaya ditukarkan "khidmat untuk rakyat" supaya pegawai-pegawai Kerajaan kita ini dapat memastikan mereka ini juga rakyat dan mereka berkhidmat kepada rakyat. Kalau kepada negara dia tak begitu kuat bekerja rasa saya, kalau kepentingan rakyat berkhidmat kerana rakyat barangkali kemungkinan dia akan memastikan berapakah susahnya rakyat jelata di dalam negara kita ini walaupun kita membangunkan negara kita masih lagi kita dapat pastikan mereka ini ke tahap atau ke takok yang lama juga.

Tuan Yang di-Pertua, itulah pandangan-pandangan saya dengan ikhlas di dalam Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan kita dapat memastikan usaha-usaha tanggungjawab yang telah diamanahkan, khususnya kepada jentera Kerajaan, yang saya maksudkan ialah kakitangan Kerajaan. Kepada mereka yang benar-benar bekerja untuk kepentingan Jabatan mereka demi kepentingan negara kita, saya ucapkan syabas dan setinggi-tinggi penghargaan. Kepada mereka yang tidak bertanggungjawab yang hendak mencuaikan kerja mereka ini lagi baik mereka ini berhenti sebelum mereka ini diberhentikan.

Maka dengan itu saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981) ini.

5.41 ptg.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981) tetapi sebelum saya teruskan saya berharap dengan tambahan-tambahan untuk Kementerian yang berkenaan, iaitu diharap supaya perbelanjaan ini dapat dibelanjakan dengan sebaik-baiknya supaya tidak membazirkan demi untuk kepentingan bangsa dan negara kita.

Mula-mula sekali saya cuba sentuh berkenaan dengan B. 26, iaitu Kementerian Pertanian. Kementerian Pertanian sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi berkenaan tanah terbiar. Bagi pengalaman saya kerana saya duduk di tempat sawah padi mungkin dan saya pastikan perkara-perkara ini berlaku kerana petani-petani menganggapkan perusahaan padi ini tidak begitu ekonomik ataupun menguntungkan sangat kerana sebab-sebab yang tertentu, terutama sekali berkenaan dengan harga padi dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pihak petani-petani ini mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak Kementerian dalam masalah subsidi padi kepada petani-petani yang mana mereka dapat sedikit boleh bergerak dengan adanya subsidi-subsidi yang diberikan oleh Kerajaan tempoh hari.

Salah satunya oleh kerana tenaga-tenaga pekerja. Kita dapati pada hari ini tenaga-tenaga pekerja dalam perusahaan sawah padi ini cukup menyulitkan. Pada hari ini kita tengok di Kedah dan Perlis dalam pengalaman kami di sana kita cuma berharap kepada pekerja-pekerja daripada negara jiran kita, iaitu daripada negeri Thai, dari Patani dan juga daripada Setol. Kalau tak ada orang-orang ini saya rasa banyak lagi petani-petani yang akan meninggalkan tanah mereka dan kita dapati akan terlihat pula tanah-tanah terbiar yang begitu banyak lagi.

Di sini dalam masalah ini saya berserulah kepada Kementerian Pertanian dan juga Jabatan Imigeresen supaya bekerjasama dalam masalah ini supaya pekerja-pekerja

daripada negara jiran kita itu dapat membenarkan orang-orang mereka akan datang ke negeri yang bersawah padi ini oleh kerana saya rasa baru-baru ini nampaknya Kerajaan Thai ini telah pun berasa berat untuk membenarkan orang-orang mereka datang ke Malaysia ini kerana orang-orang ini apabila balik nanti dia merasa tidak puas hati dengan negara dia sendiri kerana didapati negara kita ini rakyatnya hidup agak lebih mewah daripada rakyat mereka, ini jadi satu masalah kepada negeri Thai. Saya rasa kalau tidak ada perundingan yang lebih lanjut lagi saya rasa mereka ini tidak akan membenarkan pekerja-pekerja mereka ataupun rakyat mereka datang ke negeri Perlis ataupun Kedah dan juga di bahagian Pulau Pinang di Seberang Prai, mungkin pertanian akan merosot. Ini adalah satu masalah yang nyata sekali.

Sekali lagi saya berharap kepada Menteri yang berkenaan supaya dapat berunding dengan pihak yang berkenaan supaya pekerja-pekerja daripada Thailand dapat datang ke Perlis, kalau tidak saya percaya tentu lebih banyak lagi tanah-tanah terbiar akan didapati dalam negara kita ini.

Masalah subsidi padi ini walaupun dinaikkan, diberi kepada petani-petani tetapi oleh kerana dalam keadaan inflasi ini yang begitu mendadak pada hari ini maka dengan subsidi \$10 itu tidaklah begitu dapat menampung perbelanjaan kos mengerjakan sawah padi itu kerana kos mengerjakan sawah padi itu pada hari ini sudah naik begitu tinggi sekali, daripada satu ekar ataupun satu relong—di Kedah dan Perlis selalu sebut atau gunakan, daripada \$15 satu relong sekarang telah meningkat ke \$45 atau \$50 satu relong. Dalam masalah subsidi \$10 itu mungkin tidak dapat menampung kehendak-kehendak ataupun keperluan petani ini, maka saya di sini syorkan supaya pihak berkenaan patutlah menaikkan subsidi daripada \$10 itu ke \$20 lagi, mudah-mudahan dapat petani menikmati kemudahan-kemudahan seperti mana yang dinikmati oleh golongan-golongan yang lain di bandar-bandar.

Satu lagi dalam masalah petani ini saya harap peruntukan daripada Kementerian Pertanian ini patut dibanyakkan lagi berkenaan dengan bahan-bahan racun

serangga. Pada hari ini kita nampak petani-petani ini yang mendatangkan kerugian disebabkan oleh musuh-musuh padi. Musuh-musuh padi ini kita selalu dengar dalam TV, Radio dan sebagainya berbagai-bagai jenis musuh. Oleh kerana musuh ini amat merbahaya kepada petani-petani kita patutlah seru kepada Kerajaan atau Kementerian Pertanian dengan peruntukan ini diberilah subsidi racun serangga kepada petani-petani ini supaya dapat mereka hindarkan jenis-jenis serangga ini supaya dapat mereka mengeluarkan hasil yang lebih banyak.

Satu lagi yang jadi musuh petani ini ialah tikus. Tikus inipun adalah satu masalah bagi petani. Jadi, kita berharap kepada Kementerian Pertanian sebelum tikus itu menyerang petani-petani itu patut disediakan terlebih dahulu racun-racun tikus. Jangan apabila pokok-pokok padi itu diserang boleh dikatakan setengah daripada kawasan itu barulah Jabatan Pertanian ini berkejar ke sana-sini untuk mengeluarkan racun tikus ini, tetapi kita rasa sudah terlambat. Sebelum apa-apa lagi mestilah kita bersedia dan kita patut mencegah terlebih dahulu, apabila sudah berlaku baru Kementerian hendak susah payah hendak menghalang daripada musuh.

Satu lagi saya suka sentuh berkenaan dengan bantuan pokok-pokok buah-buahan oleh Kementerian Pertanian. Pokok-pokok buah-buahan ini ada yang mendatangkan faedah kepada petani-petani tetapi ada setengah-setengah pihak di setengah-setengah tempat itu apabila pokok-pokok itu diberi kepada petani tak ada follow-up, diberi sahaja begitu, nanti dia tanya khabar macam mana pokok, sudah bagus, sudah baik, tetapi dia tidak pernah pergi untuk memberi nasihat dan sebagainya supaya pokok-pokok itu dapat hidup dengan subur dan dapat menghasilkan hasil yang lebih memuaskan. Saya berharaplah kepada pegawai-pegawai yang berkenaan di Kementerian Pertanian ini supaya dapat mengadakan follow-up kepada bantuan-bantuan yang diberi kepada petani-petani ini dalam segi pokok buah-buahan ini.

Yang kedua, saya suka hendak sentuh B. 27 berkenaan dengan Kementerian

Perdagangan dan Perindustrian. Jadi dari peruntukan ini diharaplah dapat menambahkan pegawai penguatkuasa. Jadi dengan adanya pegawai penguatkuasa yang lebih ramai dapatlah mereka menjalankan tugas untuk kepentingan rakyat, terutama rakyat di luar bandar dalam masalah kenaikan harga barang dan sebagainya. Jadi di sini saya suka membangkitkan sedikit berkenaan dengan tuntutan daripada pengusaha-pengusaha atau yang lebih jelas lagi berkenaan dengan persatuan-persatuan pekedai-pekedai kopi, pengusaha susu dan sebagainya.

Benda-benda ini apabila dikemukakan kepada Kerajaan, pihak Kementerian itu dengan senang sahaja menerima tuntutan mereka. Misalnya, harga susu, harga roti dan sebagainya, kadang-kadang kita terkejut apabila besok kita tengok harga susu akan naik, Kementerian berkenaan menjawab dengan alasan kami telah timbang dengan semasak-masaknya harga susu ini patut dinaikkan. Jadi dengan mengejut kadang-kadang pihak pengguna berasa kesal dalam masalah ini. Jadi janganlah Kementerian berkenaan terlampau bermurah hati sangat dengan pihak yang saya sebut tadi, tetapi bagi penduduk luar bandar apabila hendak minta sesuatu kenaikan barang hasil daripada petani bukan mudah, bahkan memakan masa bertahun-tahun untuk mendapatkan sedikit kenaikan harga barang, tetapi daripada perusahaan kilang di bandar dalam sedikit masa sahaja harga itu dapat dinaikkan, berhasil tuntutan mereka itu. Jadi kita berasa kesal sedikit.

Satu lagi berkenaan dengan barang-barang yang diturunkan harga, pihak pekedai atau peniaga cukup lambat bertindak apabila barang itu turun harga, dia hendak turunkan harga cukup lambat, tetapi apabila harga barang itu naik, hari ini diisytiharkan besok sudah naik. Kononnya barang yang kami beli ini telahpun lama, sudah lama dibeli terpaksa kena jual dengan harga yang lama. Tetapi apabila barang naik walaupun dibeli dengan harga yang murah dia naikkan sama. Ini yang mendukacitakan. Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan kata kami akan bertindak kepada penjual-penjual itu kalau tidak mengikut peraturan ataupun arahan daripada Kementerian, tetapi kita tengok

senyap sahaja tak ada apa-apa perubahan dan barang-barang masih harga lama. Inilah masalah kepada orang-orang kampung yang menghadapi kesusahan ini. Kebanyakan mereka tak faham dan keliru dalam masalah ini. Jadi saya harap Kementerian Perdagangan kena tegas dalam masalah ini, jangan kita berlembut sangat dengan pihak berkenaan. Ini untuk kepentingan golongan yang miskin.

Satu lagi saya hendak sentuh berkenaan dengan B. 38—Kementerian Perusahaan Awam. Oleh kerana agensi LPN di bawah Kementerian ini maka dapatlah petani meringankan sedikit bebanan mereka, kalau tidak ada LPN maka sekarang kita tak tahu apa akan jadi dengan padi basah, siapa hendak beli, kalau tak ada LPN mungkin pihak swasta akan membeli padi itu dengan harga \$5 seguni terpaksa petani kena jual, tetapi mujur dengan adanya LPN maka dapatlah meringankan sedikit bebanan ataupun kesusahan atau kesulitan daripada petani-petani.

Walau bagaimanapun, sesuatu yang baru tentulah ada kekurangan. Jadi yang menjadi masalah pada hari ini iaitu berkenaan dengan kita patutlah membaiki sistem dalam LPN, terutama sekali dalam sistem timbang kerana kita tengok LPN menimbang padi memakan masa terlampau lama. Ini bukan merugikan sesiapa, yang akan rugi adalah petani itu sendiri.

Saya suka beri contoh di sini berkenaan dengan apabila petani menjual padi dengan menggunakan pengangkutan lori. Jadi apabila lori sampai di kompleks LPN lori itu terpaksa tunggu sehingga sampai sehari semalam baru boleh timbang padi itu disebabkan oleh sistem timbang boleh jadi lewat kita berharap kepada pihak berkenaan supaya diubah sistem itu supaya dapat dipercepatkan.

Satu lagi dalam masalah ini pekerja-pekerja LPN ini dia ikut waktu kerja pejabat, dia tak kira urusan perniagaan, kita patut perkara ini kita anggap sebagai perniagaan, jadi dia tak ada shift, kalau kena masa untuk minum teh pukul 10.30 mereka semua berhenti minum teh tetapi sampai pukul 4.00

walaupun lori berderet, cukup pukul 4.00 tutup. Jadi itulah menyulitkan dan yang menyusahkan bukan orang lain tetapi petani. Jadi lori itu terpaksa tunggu sampai 24 jam pergi pagi ini pagi besok baru boleh timbang padi itu. Saya katakan menyulitkan petani oleh kerana lori itu hanya boleh muat dalam satu hari satu trip sahaja maka dia naikkan harga timbang padi. Jadi balik kepada petani juga yang susah. Contohnya, di negeri Perlis tambang satu guni sejauh tiga batu ialah \$3.00 kalau harga biasa \$1.00 atau sehabis tinggi \$1.50 tetapi oleh kerana lori itu terpaksa tunggu memakan masa yang panjang, maka harga tambang untuk menampung kerugian lori itu maka lori itu naikkan tambang maka yang susah petani juga. Ini menjadi masalah dan kalau benda itu tak dapat diatasi, saya syorkan kepada Kementerian ini supaya memberi subsidi tambang kepada tuan-tuan punya lori mungkin dengan sewa dapat meringankan sedikit tambang yang dikenakan kepada petani. Ini masalah yang dihadapi pada saat dan hari ini bukan yang dihadapi pada masa yang lepas tetapi pada hari ini masih berlaku perkara ini. Jadi kalau LPN tak dapat mengkaji dalam masalah ini maka mungkin petani akan menghadapi kesulitan yang lebih berat lagi.

Satu lagi saya suka sentuh berkenaan dengan Kementerian Penerangan B. 47. Dengan adanya tambahan peruntukan ini saya berharap Kementerian ini akan dapat memperbaiki keadaan yang ada pada hari ini, terutama sekali pada hari ini yang memberi minat kepada orang ramai berkenaan dengan drama. Jadi keadaan drama ini patut kita perbaiki sedikit, kadang-kadang drama ini bukan semua tak bagus, ada yang baik, tetapi ada setengah drama itu tak tahu dia habis macam mana, tengah-tengah sedap tengok, tahu-tahu habis, dia tunjuk iklan maknanya habislah. Jadi, kita patut perbaiki keadaan ini supaya dapat memberi kesan yang sebenar-benarnya kepada penonton oleh kerana drama itu ramai peminatnya.

Saya syorkan supaya drama ini diadakan dengan cara warna, jangan lagi hitam putih, jadi lain rancangan sudah ada warna maka patut diadakan drama dengan cara warna, tidak lagi dengan hitam putih. Ini adalah satu

perkara yang agak penting juga bagi penonton di luar bandar yang berkehendakan benda ini.

Satu lagi berkenaan dengan Kementerian ini ialah saya berserulah supaya pihak yang bertanggungjawab mengawasi rencana dalam akhbar. Kita tengok hari ini masalah pemuda-pemudi kita yang kurang bimbingan.

Dalam ucapan Ahli Yang Berhormat pada masa perbahasan Belanjawan yang lepas banyak menyentuh berkenaan dengan akhlak muda-mudi kita, ada yang tak tahu membaca jawi, kurang pengetahuan agama dan sebagainya. Saya telahpun bercakap berkenaan dengan masalah pakaian, umpamanya, berkenaan baju T-shirt dan sebagainya. Kita tengok kadang-kadang oleh kerana dia tak faham dalam masalah agama ataupun mungkin dia tak berapa mendalam kadang-kadang dia pergi masjid pakai baju di baju dia bertulis: Anchor—I like to drink Anchor. Dia masuk dalam masjid walhal di belakang bajunya bertulis: Saya suka minum Ancor.

Saya percaya oleh kerana tak ada bimbingan yang sempurna maka sebab itulah muda-mudi kita, terutama pemuda yang pergi masjid itu dia pakai demikian: Dia kata, baju ini satu pakaian yang baik, masuk dalam masjid dengan ada cap Anchor, cap Beer. Banyak masalah demikian. Jadi salah satu cara kita hendak membimbing pemuda-pemudi itu ialah melalui akhbar, akhbar itu patut kita adakan berita ataupun rencana yang dapat membimbing dari segi moral pemuda-pemudi. Jadi kita tak mahu akhbar, terutama pada hari Ahad kita tengok gambar dalam akhbar itu begitu menjolok mata sekali, kadang-kadang kita pun segan terpaksa kita tengok gambar yang begitu mendedah sekali, terpaksa kita kena sembunyi akhbar itu takut kalau-kalau anak kita membacanya.

Kadang-kadang dia tanya mana surat khabar ayah? Hari ini terlupa beli saya jawab, oleh kerana kita sendiri pun naik seram, tambahan pula anak-anak muda apabila tengok benda yang menghairahkan itu. Jadi dia pun akan terikut-ikut, dia hendak cuba, orang muda ini dia ingin tahu, ingin cuba. Dalam suratkhabar-suratkhabar patut kita

adakan rencana-rencana yang dapat membimbing muda-mudi kita terutama sekali suratkhabar-suratkhabar ini kita tidak mahulah benda-benda yang boleh merosakkan lagi moral muda-mudi kita, terutama sekali saya rasa masalah agama. Dalam suratkhabar ini ada berita agama pun pada hari Jumaat sahaja, iaitu dalam ruangan Mimbar Jumaat. Itu sahaja bab berkenaan dengan agama, ditulis rencana berkenaan dengan agama, hari lain tidak ada. Jadi, apakah salahnya kita adakan tiap-tiap hari ruangan agama.

Kementerian Penerangan patut memberitahu kepada akhbar-akhbar ini supaya mengadakan satu ruangan agama, tiap-tiap hari kita tuliskan rencana agama yang senang-senang, jangan yang sudah supaya rencana ini semuanya boleh difaham oleh tua muda dan juga kanak-kanak, jangan ambil yang payah-payah, hadis yang panjang-panjang; ambil yang senang-senang sahaja sebab kalau kita kaji sejarah dahulu, Sejarah Islam datang ke Tanah Melayu ini dia menggunakan risalah-risalah terjemahan daripada kata-kata Hulubalang-hulubalang Islam, syarat-syarat yang senang-senang untuk menarik minat orang-orang di Tanah Melayu ini supaya memeluk agama Islam dan hari ini kita patut juga buat, kerana kita tengok muda-mudi kita hari ini sudah begitu liar sekali dan kita catatkan sejarah-sejarah dalam suratkhabat itu, kita ceritakan sejarah Nabi, Pembesarpembesar Islam, kita buat dengan cara pendek-pendek supaya semua boleh faham.

Tetapi hari ini sebaliknya, dalam suratkhabar ada sejarah, tetapi sejarah lain, dia membesarkan sejarah Natalie Wood, cerita itu bersiri-siri berkenaan dengan Natalie Wood, cerita bab asmara, Jackeline dan Onasis dan sebagainya. Jadi, di mana duduk kita negeri Islam, agama rasmi Agama Islam. Kita patut ubah, tiap-tiap Kementerian hendaklah memainkan peranan masing-masing seperti semalam kita buat penerangan. Tetapi pada masa ini kadang-kadang 2-3 minggu bab Natalie Wood, Bruce Lee dan macam-macam ada, itu yang diagung-agungkan sekali. Apa salahnya kita masukkan unsur-unsur Islam dalam suratkhabar ini, walaupun kita tidak dapat mengatasi masalah ini 100%, tetapi hari demi

hari dapat kita membendungkan akhlak muda-mudi kita pada hari ini.

Kita tidak mahulah benda ini akan menunjukkan kesan dengan secara mendadak, kita mahu sedikit demi sedikit, kalau kita tunjukkan gambar-gambar yang begitu menghairahkan sekali muda-mudi ini dia hendak cuba, cerita berkenaan dengan bab sex ini dia hendak cuba. Kita tahu hari ini muda-mudi terutama budak-budak, dia ingin tahu, dia ingin cuba sesuatu, jadi patut kita awasi benda ini dan Kementerian Penerangan patut mengambil peranan yang penting jangan kita buat benda-benda untuk mencari wang sahaja, kita hendaklah pandang dari segi akhlak, moral muda-mudi kita dalam Malaysia ini yang makin sehari makin merosot dalam bidang akhlak.

Saya rasa sudah agak lama saya bercakap mengenai perkara ini dan saya beri peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk bercakap dan saya berharap apa yang saya sebut sebentar tadi akan dapat perhatian kerana ini benar untuk kepentingan anak-anak muda kita, bangsa kita, negara kita dan rakyat kita yang menderita, sebagaimana yang disebutkan pada hari ini walaupun penderitaan itu dapat kita atasi dengan perhatian daripada Kementerian yang berkenaan, mudah-mudahan dengan adanya perhatian daripada Kementerian-kementerian yang berkenaan saya rasa penderitaan ataupun kesulitan rakyat-rakyat kita di luar bandar akan dapat diringankan dan di masa itu dapatlah mereka memberi penuh pertolongan pula kepada Kerajaan untuk memajukan rancangan-rancangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981).

6.06 ptg.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan Rang Undang-undang iaitu Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1980 dan 1981.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka menyentuh mengenai Maksud B. 12 iaitu

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sepertimana kita tahu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga pemaju-pemaju rumah di negara kita ini, walaupun Kerajaan telah memberikan peruntukan 30% atau lebih dan sebagainya kepada bumiputera, namun demikian kebanyakan bumiputera kita bila sahaja siap tanam-tanam perumahan ini bilangan bumiputera mendapatkan rumah itu amatlah sedikit dan ada kadang-kala iklan-iklan yang digunakan bagi rumah-rumah yang sedang dibuat itu tadi tidak dapat diketahui, tetapi bilamana pemohon-pemohon hendak datang berjumpa kepada pemaju-pemaju mereka hanya dijawab bahawa rumah-rumah ini telah pun habis.

Jadi inilah perkara yang mendukacitakan iaitu walaupun macamana Kerajaan berminat untuk memberi kepada bumiputera dalam rancangan-rancangan perumahan ini, tetapi apa yang kadangkalanya ialah kerana ketinggalan daripada membaca iklan ini dan ada kalanya iklan-iklan ini digunakan hanya dalam satu bahasa sahaja. Jadi tidak ada tersiar dalam Bahasa Malaysia dan pada suatu hari ada satu peristiwa yang benar berlaku di daerah saya sendiri, iklan ini disiarkan dalam suratkhbar yang ditulis dalam bahasa Cina, bila saya bertanya adakah lagi rumah-rumah ini boleh diperolehi? Maka jawab pemaju rumah ini sudahpun disiarkan iklannya lebih kurang 3 hari sudah, jadi sudah habis. Saya kata saya tidak baca, tetapi dia mengatakan berita itu sudah disiarkan dalam suratkhbar bahasa Cina. Saya mengatakan saya bumiputera tidak pandai baca, sepatutnya mesti ada iklan dalam Bahasa Malaysia. Oleh kerana sudah habis, tawaran hanya ada barangkali 10 buah sahaja. Maksud saya tidaklah begitu, tetapi sekurang-kurangnya dasar Kerajaan bagi memberikan peluang kepada bumiputera ini patutlah diperuntukkan dan juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sepatutnya juga menentukan dalam development plan untuk mendapatkan kelulusan daripada Kementerian berkenaan patutlah menunjukkan dalam plan itu tadi bahagian mana rumah yang patut dikhaskan kepada bumiputera dan ini mesti; jika tidak, plan itu mestilah ditolak. Begitu jugalah mereka mesti menunjukkan peratus untuk

bumiputera diletakkannya kepada bumiputera.

Saya mencadangkan iaitu mungkin daripada segi kewangan bumiputera kadangkala susah untuk membayar bayaran pertama atau deposit. Apa salahnya kalau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membuat satu skim memberi peruntukan kepada rumah-rumah yang hendak dibeli oleh bumiputera ataupun unit-unit yang khas kepada bumiputera, lebih dahulu dibuat pembayaran ini oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian ini pula akan mengiklankan yang bakinya tadi untuk bumiputera, jadi bumiputera hanya akan menghubungi terus untuk mendapatkan rumah-rumah ini melalui Kementerian. Dan Kementerian pula akan membuat satu jaminan (guarantee) kepada mana-mana bank yang boleh membiayai kepada bumiputera yang ingin memiliki rumah ini tadi. Jadi tidak ada secara langsung iaitu kepada pembeli rumah dan kepada pemaju rumah bumiputera. Kalau tidak, inilah sebab-sebabnya berlaku kenapa bumiputera tidak selalu mendapat peluang ini. Saya fikir hanya dengan cara ini Kementerian Perumahan sepatutnya membuat satu sistem iaitu mengecualikan rumah-rumah untuk diberikan kepada bumiputera dan bayaran pertama hendaklah dibayarkan lebih dahulu oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai deposit dan ini akan dituntut balik oleh Kementerian daripada pembeli-pembeli rumah bumiputera ini. Saya fikir mungkin inilah salah satu cara yang bumiputera boleh mendapatkan rumah-rumah ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh mengenai perkara ini juga iaitu di dalam taman-taman perumahan. Dalam negara kita Malaysia ini Bahasa Kebangsaan ialah bahasa rasmi, jadi apa salahnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menentukan tiap-tiap taman perumahan itu mestilah menggunakan nama dalam Bahasa Malaysia, misalnya Taman Bunga Raya, Taman Bunga Cempaka atau Taman Bunga Melur, tanpa menggunakan sesuatu nama taman yang sensitif. Ini baru menunjukkan penggunaan nama taman-taman dalam Bahasa Malaysia itu

mencerminkan satu perkampungan daripada rakyat Malaysia sendiri. Jadi kalau kita mempunyai taman-taman perumahan yang bermacam-macam namanya, ini nampaknya seolah-olah taman perumahan kita ini macam taman rojak, bermacam-macam campuran ada di sana. Ini patut dikuatkuasakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin beralih pula kepada Kepala B. 60 iaitu Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Sama ada perkara ini benar atau tidak, saya ingin menyatakan dalam Dewan ini iaitu dalam Negeri Selangor sahaja terdapat lebih kurang 260 buah kampung yang belum dapat tenaga elektrik. Ini saya difahamkan daripada Kementerian yang berkenaan. Kalaulah ini benar sungguh mendukacitakan. Jadi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sepatutnya sudah lama mengkaji kedudukan-kedudukan daripada segi pembangunan yang diperlukan oleh rakyat. Kalaulah ini benar maka kita tidak tahu dari manakah kelemahan-kelemahan ini datang dan ini tidaklah selaras dengan dasar Kerajaan yang ada sekarang yang dipimpin oleh "2M" yang mempunyai dasar-dasar "Bersih, Cekap dan Licin". Jika ini tidak dapat dilaksanakan, sudah tentu saya berpendapat mungkin ini tidak ada kecekapan (efficiency). Jadi dengan tidak ada kecekapan inilah biar macam manapun peruntukan yang diberikan kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan tetapi pelaksanaan itu tidak sampai, ini amat mendukacitakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyebut tentang talian telefon. Mungkin ini berlaku juga di Negeri Sabah dan di Wilayah Persekutuan. Kadangkala bila kita telefon kepada satu-satu pejabat di Kuala Lumpur, kita dapat telefon itu "ton" mungkin kita menyangka telefon itu rosak (out of order) dan bukan engaged tetapi di sebaliknya kerana kekurangan talian telefon di Wilayah Persekutuan sahaja mungkin di antara 5,000 talian. Ini juga sangat mendukacitakan sebagai sebuah ibukota Persekutuan, sebuah Bandaraya yang kita megahkan sedangkan perkhidmatan yang begitu kita perlukan juga belum dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Oleh itu dasar "Bersih, Cekap dan

Licin" ini sepatutnya daripada Kementerian yang berkenaan melaksanakan dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pernah memberi ucapan di salah satu bandar di Sabah, beliau mengatakan talian telefon ini akan dapat diselesaikan dalam masa 6 bulan dan tambahan sebanyak 5,000 atau 7,000 bagi kawasan Kota Kinabalu, Lanam dan sebagainya. Timbalan Menteri ini baca teks yang disediakan oleh pegawai-pegawainya iaitu 'dalam masa 6 bulan'. Selepas 6 bulan, kabel belum sampai, apa pun belum sampai. Bila ditanya kepada Menteri dikatakannya itu salah, bukan 6 bulan tetapi 16 bulan. Jadi kenapa cakap 6 bulan?—Katanya: "Oh, Setiausahaanya salah taip (typing error)". Jadi ini juga amat mendukacitakan, sama ada Menteri yang bercakap itu salah ataupun Menteri sengaja dikuasai oleh pegawai-pegawai dalam Kementerian yang berkenaan itu. Ini juga nampaknya bertentangan dengan kehendak pemimpin negara kita pada hari ini iaitu Kerajaan yang cekap dan Kementerian yang cekap (efficient). Efficiency yang kita mahu, barulah ada kelicinan dalam pentadbiran tiap-tiap satu Kementerian. Jadi nampaknya bercanggah di antara Menteri yang bertanggungjawab dengan pegawai yang bertanggungjawab dalam Kementerian itu, tidak ada coordination.

Ini yang membimbangkan dan yang akan menerima akibat ini ialah keseluruhan rakyat di negara ini, kesemua Jabatan-jabatan, kesemua firma-firma yang berkehendakkan perkhidmatan telefon seperti ini yang sangat-sangat diperlukan oleh negara kita terutama sekali kita menggalakkan pelaburan lebih banyak masuk ke negara kita, tetapi jika kemudahan yang begini kecil tidak dapat kita sediakan bagi keperluan-keperluan mereka, apakah pandangan mereka kepada negara kita. Jadi ini perkara yang saya fikirkan sangat-sangat mendukacitakan walaupun sudah berkali-kali perkara ini ditimbulkan, belum nampak terdapat perubahan yang begitu licin.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya keadaan negara kita masih memerlukan perkhidmatan telefon yang lebih baik, dan memandangkan talian-talian telefon mungkin meningkat kepada 20,000 talian ataupun

30,000 talian, kenapakah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini tidak membuat satu tawaran antarabangsa dan kita lantik satu Jurutera Perunding Antarabangsa untuk memasang talian-talian telefon kita supaya dapat digunakan dengan memuaskan sekali. Ini mungkin kerana kekurangan Juruteknik-juruteknik kita yang tidak cukup memandangkan pembangunan yang pesat dan kemahuan (demand) terlalu banyak dan tidak cukup menampung keperluan ini. Jadi kita lantik sahaja Jurutera Perunding Antarabangsa dan berikan tawaran ini kepada tawaran antarabangsa supaya mereka dapat memasang semua talian-talian telefon di negara kita ini.

Saya fikir mungkin ini akan menjimatkan lagi wang negara ini dan juga kita dapat kesudahannya lebih baik daripada yang ada sekarang ini. Perkara ini sentiasa bangkitkan, rasa tidak puas hati selalu timbul kerana inilah tidak ada kecekapan. Ada juga pekerja-pekerja dalam Jabatan Telekom ini yang mereka ini pada dahulunya hanya sebagai Pemandu Relkar (Railcar) sahaja iaitu sebagai Lorry Driver dalam Jabatan tersebut tetapi oleh kerana mereka ini telah bekerja lebih kurang 10-20 tahun dan sebagainya, mereka ada kemahiran serba sedikit jadi dinaikkan pangkat menjadi sebagai Linesman, Wireman dan sebagainya malah seterusnya ada yang jadi Supervisor sedangkan mereka tidak mempunyai latihan yang sepatutnya. Tetapi oleh kerana kemahiran selalu berkhidmat itu, mereka ini diletakkanlah, diberikan jawatan, tugas yang mereka harus buat. Kepandaian mereka ini tidaklah mencukupi seperti yang dikehendaki selama ini kerana kita sudah mempunyai jenis-jenis atau alat-alat yang serba moden. Setahun demi setahun ada satu jenis alat yang digunakan dalam exchange room dan sebagainya. Ini mungkin tidak dapat mereka terima kerana perubahan-perubahan kegunaan teknik dan ini mungkin salah satu daripada sebab-sebabnya tidak kecekapan dalam Kementerian Tenaga dan Telekom ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin menyentuh mengenai perkhidmatan pos yang amat mendukacitakan saya. Dari Kuala Lumpur kalau kita hendak kirim parcel ke Sabah—ini express, tiga minggu baru sampai.

Tetapi kalau kita tanya Pejabat Pos ini berapa lama boleh sampai ke Sabah, dia kata paling lama empat hari. Tetapi bila kita tunggu di sana tiga minggu baru sampai. Saya tidak mengerti kenapa perkhidmatan ini juga tidak dapat diperbaiki.

Pada satu ketika kononnya kurang pengangkutan ke Sabah, barangkali MAS tidak cukup kapal terbang dan ada pula tambahan satu Boeing 737 khas untuk mengangkat kargo ke Sabah dan Sarawak. Nampaknya tidak ada perubahan. Kemudian ada lagi timbul masalah ini. Dikatakan kargo terlalu banyak bertimbun-timbun di Terminal Kargo di Subang yang kita gunakan sekarang. Dia kata tunggulah bila Terminal I ini siap nanti penyelarasan senang sahaja. Parcel sekarang ini bertimbun tinggi macam bukit kargo yang hendak dihantar ke Sabah dan Sarawak. Jadi terpaksa kena di luar daripada bangunan Terminal Kargo. Tetapi sudah ditambah sekarang mungkin setahun lebih sudah ditambah tetapi keadaannya tidak berubah seperti itu juga. Ini yang amat mendukacitakan. Kita bila menerima parcel post express dari Singapura tiga hari boleh sampai ke Sabah dan Sarawak. Kenapa kita satu negara sampainya tiga minggu. Inilah yang amat mendukacitakan iaitu perkhidmatan pos kita pada masa sekarang ini belum lagi memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka juga menyentuh sedikit mengenai Kementerian Penerangan. Kementerian Penerangan sepatutnya memainkan peranan yang penting, ia adalah sebagai satu badan Kerajaan yang menyampaikan hasrat Kerajaan kepada rakyat dan saya dapati di Jabatan-jabatan Penerangan di Sabah misalnya. Kadang-kadang bila kita masuk ke Pejabat Penerangan kita lihat risalah-risalah Kerajaan ini bertimbun-timbun tidak disampaikan kepada orang-orang kampung pada hal mereka berminat untuk membaca apakah risalah-risalah itu. Tugas-tugas Jabatan Penerangan hanya membuat jadual waktu untuk tayangan wayang gambar sahaja ke kampung-kampung.

Saya fikir kalau hanya setakat mengadakan pertunjukan wayang gambar, ini tidaklah mendatangkan apa-apa faedah, sebabnya

mereka boleh menikmati wayang gambar yang lebih baik, seperti televisyen dan sebagainya tetapi satu daripadanya yang mendukacitakan saya iaitu waktu hendak merayakan Hari Kebangsaan. Saya mintalah Jabatan Penerangan mengadakan pertunjukan wayang gambar percuma di padang besar daripada kita jemput anak-anak sekolah untuk menuntun di panggung-panggung, saya fikir tidak begitu mendatangkan manfaatnya, lebih baik Jabatan Penerangan minta filem daripada Filem Negara, filem yang benar-benar menggambarkan aspirasi rakyat Malaysia dan bagaimana Kerajaan kita melaksanakan dasar-dasarnya, pembangunan apa sahaja yang bertujuan untuk memberikan satu semangat, perasaan pada hari wujudnya Hari Kebangsaan itu tetapi yang mendukacitakan, pengakuan ini dibuat, dia akan buat tayangan wayang gambar di padang besar nanti sempena Hari Kebangsaan kita. Tetapi bila saya lihat tidak ada pertunjukan yang diadakan. Keesokan hari saya bertanya kenapa tidak diadakan pertunjukan wayang gambar seperti mana Jabatan Penerangan sudah membuat pengakuan. Jawapannya senang, dia kata, Jabatan Penerangan tidak ada duit hendak membeli filem untuk pertunjukan luar. Ini sungguh mendukacitakan.

Saya fikir perkara ini patutlah diatasi oleh Jabatan Penerangan dan inilah juga salah satu yang sungguh mendukacitakan jawapan yang begitu senang, Jabatan Penerangan tiada duit. Sedangkan kita mempunyai Filem Negara yang boleh memberikan filem apa sahaja tajuk-tajuk yang mereka kehendaki. Saya mintalah supaya Kementerian Penerangan ini akan dapat melaksanakan tugas-tugas Jabatan ini dengan lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh juga mengenai Kementerian Penerangan iaitu soal iklan. Iklan yang baru-baru ini yang saya nampak ialah iklan menasihatkan bagi penggunaan gas masak. Suara yang menasihatkan ini bagaimana cara menggunakan gas, berapa meter jauhnya daripada dapur dan gas itu diletakkan, ialah suara si Atan—Jamali Sadat. Jadi tidaklah patut yang anak-anak kecil seperti si Atan menasihatkan kepada ibunya bagaimana

menggunakan gas masak ini. Cubalah Kementerian Penerangan menggunakan suara Ramli Abu Bakar, suara Ramli Abu Bakar digunakan dalam kapal terbang dan sebagainya bagaimana menggunakan jeket keselamatan dan sebagainya. Ini si Atan seolah-olah iklan itu membudak-budakkan kepada ibu-ibu. Jadi ini yang ganjil pada pandangan saya. Itulah iklan yang ditunjukkan dalam televisyen kita yang saya rasa patut ditapis sebaik-baiknya seperti mana Ahli Yang Berhormat yang berucap tadi yang mengatakan iklan yang sungguh menjolok mata. Bagi saya ini bukan menjolok mata tetapi itulah yang saya maksudkan si Atan menasihatkan ibunya

macam mana menggunakan gas masak, jadi nampaknya iklan-iklan ini sengaja untuk membuat orang ketawa, macam jenaka yang dibuat dalam iklan itu.

Tuan Yang di-Pertua, juga semalam.....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat bolehlah sambung pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 22hb Disember, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.